AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PELITA BRUNEI

قليتا برونى

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

70 TAHUN 1956-2026

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah melainkan Dia semata-mata dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapa dengan sebaik-baiknya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala
dalam terjemahan makna ayat Surah al-Isra', ayat 23.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.39 | SUBUH 4.49 | SYURUK 6.11 | DUHA 6.35 | ZUHUR 12.08 | ASAR 3.30 | MAGHRIB 6.03 | ISYAK 7.17

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 141 | 25 NOVEMBER 2026 / 1448 جمادي الأخير 15 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

KEBAWAH DYMM BERANGKAT KE PERSEKUTUAN RUSIA BAGI KEBERANGKATAN NEGARA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat ke Moscow, Persekutuan Rusia bagi mengadakan Keberangkatan Negara selama dua hari bermula pada 24 hingga 25 November 2026. - Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi *(Lihat muka 3)*.

MIB perkukuh identiti, perpaduan, jati diri masyarakat

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Isnin, 23 November. - Forum Daerah-Daerah sempena Majlis Ilmu 2026 bagi Daerah Brunei dan Muara merupakan salah satu pengisian Majlis Ilmu sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-80 Tahun.

Majlis mengambil tempat di Dewan Musyawarah, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), pagi tadi.

Forum yang bertajuk 'MIB : Bukan Sekadar Slogan, Ini Cara Hidup Kitani' membincangkan kepentingan penghayatan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB) sebagai panduan dan amalan dalam kehidupan seharian, serta peranannya dalam memperkukuh identiti, perpaduan dan jati diri masyarakat Negara Brunei Darussalam (NBD).

>> Muka 4

Membina ekosistem pendidikan lebih responsif, bersepadu

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

LAMBAK, Selasa, 24 November. - Kita perlu bergerak daripada kesedaran kepada penerimaan, daripada penerimaan kepada keterangkuman atau inklusiviti dan daripada keterangkuman kepada penyertaan yang benar-benar bermakna.

Inilah perubahan yang perlu kita usahakan bersama. Sesebuah masyarakat tidak boleh dianggap inklusif hanya kerana ia membuka pintu. Masyarakat yang inklusif memastikan setiap individu berpeluang melangkah masuk, mengambil bahagian, didengari dan dihargai.

Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal menyatakan demikian pada Majlis FITRAH Gala Day bersempena Sambutan 30 Tahun Penubuhan Persatuan Pendidikan Khas (FITRAH) berlangsung di Dewan Mahligai Al-Barakah Ballroom, Mid Valley Shopping Mall, Lambak, hari ini.

>> Muka 5

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

Berita Utama



SIDANG Kemuncak himpunkan pemimpin perniagaan, pelabur, penggubal dasar

Muka 4



MEMPERKASA jaringan akademik, membina masyarakat berilmu

Muka 8



MEMPERKUKUH kesiapsiagaan menghadapi kecemasan radiologi

Muka 9



MINAT sejak kecil jadi sumber rezeki : Selamatkan barangan elektronik daripada dibuang

Muka 21

PELITA BRUNEI

Pemerkasaan kemahiran digital guru pacu transformasi sistem pendidikan negara

Bismillahir Rahmanir Rahim.
Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen.
Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,
Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

MENGADAP Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dengan penuh hormat dan takzim, hamba Kebawah Duli Tuan Patik, bagi mewakili Ahli-Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-36 Tahun 2026 serta seluruh warga guru, dengan penuh rasa kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, sukacita merafakkan sembah menjunjung kasih atas limpah kurnia perkenan Kebawah Duli Tuan Patik berangkat bercemar duli ke Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-36 pada pagi ini dan seterusnya berkenan mengurniakan titah, menyempurnakan pengurniaan anugerah Hari Guru, berangkat menyaksikan pameran serta menerima junjung ziarah daripada warga guru.

Keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini amat besar ertinya bagi abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik kerana ia mencerminkan keprihatinan yang mendalam terhadap kebajikan dan kesejahteraan para guru. Keberangkatan ini juga menjadi sumber inspirasi dan pembakar semangat bagi abis hamba Kebawah Duli Tuan Patik untuk terus melaksanakan amanah dengan penuh dedikasi dan iltizam dalam membentuk generasi yang berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia serta mampu menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan negara.

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik sukacita menyembahkan bahawa Sambutan Hari Guru Kali Ke-36 pada tahun ini membawa tema 'Guru Pemangkin Pendidikan Lestari dan Inovasi', dengan subtema 'Mendidik dengan Hikmah, Membimbing Generasi Harmoni dan Berinovatif'. Subtema ini menggariskan peranan guru sebagai pendidik dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, inklusif dan harmoni, berteraskan nilai kemanusiaan sebagai landasan pendidikan yang lestari. Semangat inilah yang menjadi asas kepada usaha Kementerian Pendidikan untuk memperkukuh inovasi, kelestarian dan kesiapsiagaan sistem pendidikan secara menyeluruh.

Pada menjunjung Titah Kebawah Duli Tuan Patik sempena Hari Guru Ke-35, di mana Kebawah Duli Tuan Patik telah bertitah mengenai dengan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) dalam pengajaran dan pembelajaran, peranan Lembaga Peperiksaan Negara Brunei Darussalam, dan pemerkasaan kualiti pendidikan awal kanak-kanak, disembahkan bahawa Kementerian Pendidikan telah melaksanakan tindakan-tindakan seperti berikut, Pertama: memperkasa keupayaan guru dalam penggunaan AI secara beretika melalui latihan Pembangunan Profesional. Persijilan AI Guru telah berjaya melatih seramai 4,281 guru yang mana mereka telah meraih AI In-depth Literacy Certification. Sementara seramai 772 orang guru (termasuk 22 guru daripada Jabatan Pengajian Islam) telah mengikuti Bengkel Artificial Intelligence Guidance for Schools Toolkit (AIGST). Kedua: Mengenai peranan Lembaga Peperiksaan Brunei (LPB) disembahkan bahawa Lembaga Peperiksaan Brunei (LPB) sedang dalam usaha untuk mengendalikan peperiksaan dan persijilan bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, Kesusasteraan Melayu, dan Pengetahuan Ugama Islam di peringkat Menengah Atas dan Pra Universiti bermula tahun 2028, dengan kelayakan setaraf GCE 'O' dan 'A' Level.

Seterusnya bagi memperkasa kualiti Pendidikan Awal Kanak-kanak, disembahkan bahawa Alhamdulillah gabungan Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Kesihatan telah mula membentuk satu Kerangka Kebangsaan Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (bagi kanak-kanak yang berumur 0-5 tahun). Kerangka bersepadu ini akan menitikberatkan penjagaan dan pendidikan awal, kesihatan dan pemakanan, perlindungan keluarga, serta nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Pembudayaan inovasi turut diperluas secara menyeluruh merangkumi semua peringkat pendidikan. Di peringkat Technical and Vocational Education and Training (TVET), keupayaan belia terus diperkukuh melalui platform pertandingan kemahiran bagi mengiktiraf kecemerlangan serta melahirkan bakat yang mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Sementara itu, institusi pengajian tinggi bertindak sebagai pemacu utama pembangunan lestari menerusi pertama, pelaksanaan penyelidikan-penyelidikan berimpak tinggi seperti sekuriti makanan. Kedua penyediaan prasarana teknologi hijau yang berfungsi sebagai makmal hidup, dan ketiga penggubalan pelan induk kelestarian yang bersepadu.

Di peringkat pendidikan teras pula, pihak Kementerian Pendidikan telah mengenalkan Anugerah Inovasi Sekolah sejak November 2025 untuk memupuk budaya kreativiti dan memantapkan Penilaian Kendiri Sekolah.

>> Muka 7



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh menyembahkan ucapan alu-aluan pada Majlis Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-36 Tahun 1448 Hijrah / 2026 Masihi pada Rabu, 23 September 2026 yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

WAKTU SEMBAHYANG

NOVEMBER MASIHI	HARI	JAMADILAKHIR HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
25	RABU	15	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
26	KHAMIS	16	4.39	4.49	6.11	6.35	12.08	3.30	6.03	7.17
27	JUMAAT	17	4.39	4.49	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.17
28	SABTU	18	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
29	AHAD	19	4.40	4.50	6.12	6.36	12.09	3.31	6.04	7.18
30	ISNIN	20	4.40	4.50	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.18
1 DISEMBER	SELASA	21	4.41	4.51	6.13	6.37	12.10	3.32	6.05	7.19

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

	RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan	32 26 °C	32 25 °C	33 25 °C
Pekan Bangar	31 23 °C	32 23 °C	33 24 °C
Pekan Tutong	33 25 °C	33 25 °C	33 25 °C
Kuala Belait	32 25 °C	32 25 °C	33 25 °C

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 25 NOVEMBER 2026

Tingkatkan kewaspadaan terhadap demam campak

DEMAM campak ialah jangkitan virus yang sangat mudah berjangkit dan merebak melalui udara yang mengandungi titisan cecair yang dijangkiti virus daripada mulut dan hidung semasa bercakap, batuk atau bersin. Virus ini boleh kekal di udara sehingga dua jam.

Gejala demam campak biasanya muncul dalam tempoh tujuh hingga 14 hari selepas terdedah kepada virus. Gejala termasuk demam panas, batuk, hidung berair, mata merah dan berair, tompok putih di dalam mulut dan ruam merah yang bermula di muka sebelum merebak ke seluruh badan. Pesakit boleh menjangkiti orang lain bermula empat hari sebelum dan selepas ruam muncul.

Demam campak boleh menyebabkan komplikasi serius seperti radang paru-paru (pneumonia), keradangan otak (ensefalitis) dan kematian. Risiko komplikasi adalah lebih tinggi dalam kalangan anak damit, wanita hamil dan individu yang mempunyai sistem imun yang lemah. Tiada rawatan antiviral khusus bagi demam campak, di mana rawatan yang diberikan bertujuan untuk melegakan gejala dan menangani komplikasi.

Vaksinasi merupakan perlindungan terbaik terhadap penyakit ini, yang diberikan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) bagi kanak-kanak pada usia 12 dan 18 bulan. Vaksin MMR (campak, beguk dan rubela) adalah selamat dan berkesan, di mana dua dos vaksin memberikan perlindungan sekitar 97 peratus terhadap demam campak.

NBD mencapai status eliminasi demam campak pada tahun 2015. Liputan vaksin MMR di negara ini adalah melebihi 97 peratus sepanjang lima tahun kebelakangan, yang memberikan imuniti kelompok yang tinggi. Berdasarkan penilaian risiko semasa, risiko jangkitan bagi yang telah menerima vaksinasi lengkap adalah rendah.

Walau bagaimanapun, bagi kanak-kanak ataupun individu yang berisiko tinggi yang belum menerima vaksinasi atau belum melengkapkan dos vaksinasi mempunyai risiko lebih tinggi untuk dijangkiti apabila terdedah kepada virus ini.

Sebagai langkah berjaga-jaga, ibu bapa dan penjaga diseru supaya memastikan anak-anak menerima vaksinasi lengkap mengikut jadual imunisasi serta membawa mereka ke janji temu vaksinasi. Status vaksinasi boleh disemak melalui kad kuning, Buku Kesihatan Kanak-kanak atau aplikasi BruHealth.

Sebelum mengunjungi klinik atau hospital, sila hubungi pusat kesihatan terdekat atau Talian Nasihat Kesihatan 148 untuk mendapatkan panduan. Gunakan sungkup muka, amalkan kebersihan serta maklumkan kepada petugas di kaunter pendaftaran mengenai gejala yang dialami serta sebarang sejarah perjalanan atau kontak dengan pesakit demam campak.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi ini, memastikan perkhidmatan kesihatan bersiap siaga dan memaklumkan sebarang perkembangan dari semasa ke semasa. **- Ketua Penyuntingan (Zk)**

Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتريبتكن اوله جابتن ڤنراغن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندیرين برحد، نكارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Kebawah DYMM berangkat ke Persekutuan Rusia bagi Keberangkatan Negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat ke Moscow, Persekutuan Rusia bagi mengadakan Keberangkatan Negara selama dua hari bermula pada 24 hingga 25 November 2026, atas undangan Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin. Berangkat mengiringi baginda ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Oleh : Khartini Hamir, Aimi Sani
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 November. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berangkat ke Moscow, Persekutuan Rusia bagi mengadakan Keberangkatan Negara selama dua hari bermula pada 24 hingga 25 November 2026, atas undangan Presiden Persekutuan Rusia, Tuan Yang Terutama Vladimir Putin.

Berangkat mengiringi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah paduka anakanda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Sebelum berangkat dari Istana Nurul Iman, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Awang Haji Abdul Aziz bin Juned.

Berangkat di Hangar Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Rimba bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah ahli-ahli kerabat diraja.

Berangkat sama dan hadir di Hangar Penerbangan Kebawah DYMM bagi menyembahkan selamat berangkat Kehadapan Majlis Kebawah DYMM ialah Yang Amat Mulia Pengiran-Pengiran Cheteria, Menteri-Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Di-Raja, Timbalan - Timbalan Menteri, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei; dan Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri merangkap Grand Chamberlain.

Hak, keselamatan, kesejahteraan kanak-kanak terus diutamakan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



PEMANGKU Pengarah Pembangunan Masyarakat, JAPEM, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Majlis ketika menyampaikan ucapan.

TEMBURONG, Isnin, 23 November. - Seramai 76 pelajar dan pelatih Tahun 7 hingga Tahun 10 dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA), Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri (STPRI), Ma'had Islam Brunei, Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Sekolah Menengah Chung Hwa, Sekolah St. Andrew's, Sekolah St. George's dan Pusat Bahagia Brunei Muara dan Temburong telah menyertai Program Interaktif Voices of Children - Mission H.E.L.P (Help, Empower, Listen, Protect).

Program tersebut dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dengan kerjasama Persatuan Kaunseling Brunei Darussalam (PERKAB) sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2026 yang berlangsung di Dewan Kuliah, Kem Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN), Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Guru Ugama, Pusat Bahagia Brunei Muara, Awang Haji Nuurmatiin bin Haji Abu Bakar, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, JAPEM, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Majlis.

Dayang Fauziah dalam ucapannya menekankan bahawa Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2026 merupakan platform penting dalam mengiktiraf hak dan kesejahteraan kanak - kanak selaras dengan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-Kanak (CRC).

Beliau turut menjelaskan bahawa tema tahun ini, iaitu 'My Day, My Rights, My Future', memberi tumpuan kepada usaha memperkasa kanak - kanak melalui peningkatan kesedaran mengenai hak, perlindungan, serta saluran bantuan dan perkhidmatan sokongan yang tersedia.

Selain itu, beliau turut mengongsikan pelaksanaan Program Interaktif Voices of Children : Mission H.E.L.P. yang bertujuan untuk membina keyakinan kanak - kanak mendapatkan bantuan apabila diperlukan, serta menyentuh mengenai pelancaran logo baharu Talian ANAK 121 'Kami Prihatin' sebagai simbol komitmen berterusan dalam memperkukuh perlindungan dan kesejahteraan kanak-kanak di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Acara kemudiannya diteruskan dengan pelancaran logo baharu Talian ANAK 121 'Kami Prihatin' yang telah disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Logo baharu tersebut yang dihasilkan bersama oleh JAPEM, KKBS dan Syarikat Imagine Sdn. Bhd. adalah diharapkan untuk lebih mudah dikenali dan diingati sekali gus menggalakkan lebih ramai kanak-kanak untuk tampil mendapatkan bantuan apabila diperlukan.

Para peserta kemudiannya mengikuti sesi perkongsian bertajuk 'Wellbeing for All' yang disampaikan oleh PERKAB. Sesi berkenaan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan kesejahteraan mental, emosi dan sosial serta memperkenalkan strategi positif bagi membina daya tahan diri, mengurus emosi secara sihat dan memperkukuh hubungan sosial dalam kehidupan seharian.

Acara diteruskan dengan sesi *ice breaking* yang dikendalikan oleh PERKAB, diikuti dengan pembahagian kumpulan, taklimat program dan pengagihan Kad Misi kepada para peserta sebagai persediaan menyertai aktiviti utama Mission H.E.L.P.

Aktiviti Mission H.E.L.P memberi peluang kepada para peserta untuk mengunjungi lapan stesen aktiviti yang dikendalikan oleh agensi-agensi berkepentingan, iaitu Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Pendidikan, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), JAPEM, PERKAB, Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) dan Cyber Security Brunei (CSB).

Melalui stesen-stesen tersebut, para peserta diberikan peluang untuk mengenali talian bantuan serta perkhidmatan sokongan yang tersedia di negara ini, memahami fungsi dan peranan setiap agensi dan tatacara mendapatkan bantuan mengikut keperluan masing-masing.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Program Interaktif Voices of Children - Mission H.E.L.P anjuran JAPEM, KKBS dengan kerjasama PERKAB sempena Sambutan Hari Kanak-Kanak Sedunia 2026.

Dapatan dan maklum balas yang diperoleh daripada aktiviti-aktiviti tersebut telah dirumuskan oleh Presiden PERKAB, Mejar (B) Rusli bin Bujang, selaku rakan strategik program seperti berikut, iaitu analisis awal melibatkan 56 daripada 74 peserta, mewakili kadar liputan tinjauan sebanyak 75.7 peratus.

Dapatan menunjukkan bahawa tekanan akademik merupakan faktor utama yang mempengaruhi kesejahteraan kanak-kanak, manakala aspek yang paling dihargai oleh mereka ialah peluang latihan dan pembangunan kemahiran, di samping persekitaran yang selamat, bimbingan yang berterusan dan akses kepada sumber pembelajaran.

Kajian turut mendapati bahawa majoriti responden menekankan kepentingan penglibatan orang dewasa yang menghormati pandangan kanak-kanak serta memberi ruang kepada mereka untuk didengari.

Secara keseluruhannya, program berkenaan memberikan peringatan kepada agensi yang berkepentingan untuk bukan sahaja mendengar, akan tetapi untuk membuat perubahan mengikut keperluan kanak-kanak (*child-centred approach*) dan membina generasi yang berwawasan.

Program diakhiri dengan pengumuman dan penyampaian hadiah yang disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat. Penyampaian hadiah tersebut merangkumi kategori Kumpulan Terbaik, Pemenang Stesen Terbaik dan Kreatif, serta penyampaian cenderamata kepada rakan strategik dan agensi-agensi yang terlibat sebagai tanda penghargaan atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan program berkenaan.

Turut hadir, Timbalan Setiausaha Tetap, KKBS; Pemangku Pegawai Daerah Temburong, ketua - ketua jabatan, pegawai - pegawai kanan dari KKBS serta rakan-rakan strategik KKBS.

MIB PERKUKUH IDENTITI, PERPADUAN, JATI DIRI MASYARAKAT

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

>> Muka 1

Forum berkenaan merupakan sebahagian daripada Forum Daerah-Daerah sempena Majlis Ilmu 2026 yang diadakan di keempat-empat daerah, selaras dengan tema sambutan tahun ini, 'MIB : Tonggak Kedaulatan Negara', menekankan kepentingan falsafah MIB sebagai asas dalam memelihara kedaulatan dan identiti negara.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal dan Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, Yang Mulia Datin Seri Paduka Dayang Hajah Tutiaty binti Haji Abdul Wahab, selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Ilmu 2026.

Juga hadir, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-Setiausaha Tetap, Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai-pegawai kanan kerajaan, penghulu-penghulu mukim dan ketua-ketua kampung serta para jemputan khas.

Forum berkenaan telah dihadiri oleh seramai 500 orang yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan kerajaan, Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung, wakil-wakil sektor swasta, ahli akademik, penuntut institusi pengajian tinggi, golongan belia, ahli-ahli persatuan serta masyarakat setempat.

Forum tersebut menampilkan tiga orang ahli panel, iaitu Penolong Profesor, Akademi Pengajian Brunei (APB), Universiti Brunei Darussalam (UBD), Pengiran Dr. Hajah Siti Norainna binti Pengiran Haji Besar; Pengarah Kebudayaan dan Kesenian, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Mohd. Abdoh bin Haji Awang Damit; dan Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Azme bin Haji Matali, manakala Dr. Hafini bin Mahmud dari UNISSA selaku moderator.



PARA ahli panel forum tersebut semasa perbincangan.



YANG Berhormat Menteri Penyelaras bagi Dasar-Dasar Ekonomi dan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri hadir selaku tetamu kehormat majlis. Turut hadir ialah Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan, dan Yang Mulia Timbalan Menteri Ekonomi, Perdagangan dan Industri, selaku Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja Majlis Ilmu 2026.

Para panel forum saling menegaskan akan kepentingan MIB merupakan asas kedaulatan, identiti, jati diri dan hala tuju NBD.

Ketiga-tiga unsur Melayu, Islam dan Beraja saling melengkapi dalam membentuk kehidupan bernegara dan bermasyarakat, sementara penghayatan MIB bukan sekadar memahami konsep dan prinsipnya, malah perlu diterjemahkan melalui sikap, adab, akhlak dan amalan seharian dalam institusi keluarga, pendidikan, pekerjaan serta masyarakat.

Perbincangan turut mengetengahkan cabaran generasi muda dalam menghadapi globalisasi, perkembangan teknologi digital dan pengaruh budaya luar.

Sehubungan itu, penerapan MIB perlu dilaksanakan secara berterusan melalui pendekatan pendidikan yang kreatif, pembudayaan nilai sejak kecil dan pengukuhan jati diri.

Penggunaan media sosial serta penglibatan pencipta kandungan digital berpotensi menjadi medium strategik untuk menyebarluaskan nilai MIB secara menarik dan relevan dengan generasi masa kini.

Para panel forum juga menekankan kepentingan memartabatkan bahasa Melayu, memelihara adat dan warisan budaya serta memperkukuh nilai amanah, kejujuran, tanggungjawab dan integriti.

Dalam konteks pembangunan ekonomi, MIB bukan penghalang kemajuan, sebaliknya menjadi landasan pembentukan budaya keusahawanan yang beretika, menyokong ekonomi tempatan dan berteraskan prinsip Islam.

Secara keseluruhannya, forum merumuskan bahawa kelangsungan dan kekuatan MIB bergantung pada penghayatan serta pengamalannya secara nyata oleh setiap lapisan masyarakat.

Justeru, kerjasama strategik antara keluarga, institusi pendidikan, masyarakat dan generasi muda perlu diperkukuh bagi memastikan MIB terus relevan sebagai asas pembentukan generasi berilmu, berakhlak, berdaya saing dan berjati diri dalam mendepani kemajuan serta cabaran semasa, tanpa mengabaikan warisan, nilai agama dan identiti kebangsaan.

Sesi forum turut disusuli dengan sesi soal jawab yang memberikan peluang kepada para hadirin untuk mengemukakan pertanyaan dan mendapatkan penjelasan lanjut daripada ahli-ahli panel mengenai penghayatan dan pengamalan falsafah MIB dalam kehidupan seharian.

Penganjuran forum ini diharap akan terus menjadi wadah dalam memperkukuh kefahaman dan penghayatan masyarakat terhadap falsafah MIB, di samping menyemarakkan budaya ilmu serta memupuk kesedaran bersama mengenai tanggungjawab memelihara identiti, perpaduan dan kedaulatan NBD.

Sidang Kemuncak himpunkan pemimpin perniagaan, pelabur, penggubal dasar

Siaran Akhbar dan Foto : Sekretariat ASEAN-BAC Brunei Darussalam





PARA pemimpin ASEAN dan wakil-wakil perniagaan semasa ASEAN Leaders' Interface dengan ASEAN-BAC di Manila (atas), manakala gambar kiri, sesi bergambar ramai pada Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN 2026.

MANILA, Isnin, 23 November. - Pengarah Urusan Adinin Group of Companies, Awang Haji Musa bin Haji Adnin, selaku Pengerusi Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) Brunei Darussalam baru-baru ini telah mewakili ASEAN-BAC Brunei Darussalam bagi menghadiri Sidang Kemuncak Perniagaan dan Pelaburan ASEAN (ABIS) 2026.

Dianjurkan oleh ASEAN-BAC Philippines di Solaire Resort Manila Bay, Sidang Kemuncak tersebut menghimpunkan pemimpin perniagaan, pelabur dan penggubal dasar untuk membincangkan perdagangan dan pelaburan serantau.

Di luar ABIS, Awang Haji Musa menandatangani Memorandum Persefahaman untuk menubuhkan ASEAN Franchise Committee (AFC) di bawah the Asia Pacific Franchise Confederation (APFC). Beliau menandatangani bagi pihak National Chambers of Commerce and Industry of Brunei Darussalam (NCCIBD) selaku kapasitinya sebagai Timbalan Presiden. The Philippine Franchise Association yang berperanan sebagai Sekretariat APFC menyelaras majlis penandatanganan di Solaire Resort Manila Bay. Jawatankuasa itu akan menyokong pertukaran kepakaran dan membantu perniagaan francais berkembang di seluruh pasaran ASEAN.

Sementara itu, Setiausaha Agung ASEAN turut menghadiri ASEAN Leaders' Interface dengan ASEAN-BAC.

Pada Anugerah Perniagaan ASEAN 2026 yang berlangsung di Bandar Parañaque pada 15 November, Al-Huffaz Management dari Negara Brunei Darussalam memenangi Kategori Sektor Integrasi Keutamaan - Modal Insan & Perkhidmatan Perniagaan.

Pemimpin-pemimpin ASEAN menubuhkan ASEAN-BAC pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-7 di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam pada November 2001.

Dilancarkan pada April 2003, ASEAN-BAC berperanan untuk menasihati pemimpin ASEAN mengenai keutamaan sektor swasta dan mengesyorkan langkah untuk memajukan integrasi ekonomi serantau.

HUBUNGAN PERSAHABATAN NBD-KESULTANAN OMAN TERUS DIPERKASA

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JERUDONG, Isnin, 23 November. - Sambutan Hari Kebangsaan Kesultanan Oman diraikan dengan penuh meriah dalam Majlis Resepsi yang berlangsung di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong, pada malam tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran), Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Mohamad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke Negara Brunei Darussalam (NBD), Puan Yang Terutama Erma Said Mohamed Al Kathiry dalam ucapannya menjelaskan, sejak 24 Mac 1984, tarikh terjalinnya hubungan diplomatik antara kedua-dua buah negara, kedua-dua kesultanan kita yang terpisah jauh dari segi geografi, namun disatukan oleh keimanan, nilai-nilai bersama dan wawasan yang sehaluan, telah melangkah seiring.

Tambah Puan Yang Terutama lagi, pada bulan ini, hubungan persahabatan tersebut telah diperkukuh ke tahap yang lebih tinggi, apabila Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haitham bin Tarik, Sultan Oman, telah berangkat tiba di negara ini.

Semasa lawatan negara tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah bersetuju untuk meningkatkan hubungan dua hala kepada tahap Perkongsian Strategik, di samping menyaksikan pemeteraian Deklarasi Bersama, satu Perjanjian serta beberapa Memorandum Persefahaman yang membuka ruang baharu bagi memperluas kerjasama antara kedua-dua buah negara.

Majlis terdahulu dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan kedua-dua buah negara dan seterusnya diikuti dengan sesi memotong kek dan kemudiannya disusuli dengan sesi bergambar ramai.

Pencapaian penting sepanjang tahun ini menjadi bukti nyata kepada hubungan persahabatan yang utuh dan persaudaraan yang erat yang terus dipupuk antara Kesultanan Oman dan NBD.

Di bawah kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Oman, hubungan persahabatan kedua-dua buah negara kini telah diperkasa menjadi satu Perkongsian Strategik yang berteraskan sikap saling menghormati, nilai-nilai bersama serta aspirasi untuk mencapai ke arah keamanan dan kemakmuran.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tenaga, Huluan dan Hiliran) hadir selaku tetamu kehormat pada Sambutan Hari Kebangsaan Kesultanan Oman di Royal Berkshire Hall, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong. Gambar memaparkan sesi memotong kek bersama Puan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Kesultanan Oman ke NBD.

Membina ekosistem pendidikan lebih responsif, bersepadu



YANG Mulia Timbalan Menteri Pendidikan semasa hadir pada Majlis FITRAH Gala Day yang berlangsung di Dewan Mahligai Al-Barakah Ballroom, Mid Valley Shopping Mall, Lambak.

>> Muka 1

Menurut Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan, dalam pendidikan, prinsip tersebut membawa makna yang sangat jelas. Kehadiran seorang kanak-kanak berkeperluan khas di sekolah merupakan langkah penting, tetapi kehadiran sahaja belum mencukupi.

Kejayaan sebenar, jelas Yang Mulia, terletak pada pengalaman pembelajaran yang bermakna, perkembangan keyakinan diri, hubungan sosial yang positif dan peluang untuk mencapai kemajuan menurut kebolehan serta keperluan masing-masing.

"Atas sebab itulah, intervensi awal dan kesinambungan sokongan amat penting. Apabila keperluan perkembangan dikenal pasti lebih awal, keluarga dapat dibimbing dengan lebih terarah dan kanak-kanak dapat menerima sokongan yang bersesuaian pada waktu yang kritikal.

"Sama penting ialah memastikan sokongan tersebut tidak terputus apabila anak tersebut melangkah daripada alam awal kanak-kanak kepada pendidikan formal," tegas Yang Mulia.

Sehubungan itu, tambah Yang Mulia, Kementerian Pendidikan akan terus memberikan perhatian kepada usaha memperkukuh intervensi awal serta kesinambungan sokongan kepada kanak-kanak berkeperluan khas dan keluarga mereka. Usaha ini mencerminkan hasrat untuk membina ekosistem pendidikan yang lebih responsif, bersepadu dan berpusatkan keperluan setiap anak.

Yang Mulia seterusnya menyatakan, antara inisiatif yang sedang dibangunkan ialah 'National Intervention Centre for Early Childhood Education', atau singkatannya NICEe, yang akan memberikan tumpuan kepada intervensi awal, khususnya bagi kanak-kanak dengan autism.

Inisiatif itu kata Yang Mulia, dihasratkan untuk membantu membina asas perkembangan dan kesediaan kanak-kanak sebelum memasuki alam persekolahan formal.

Namun, tegas Yang Mulia lagi, keberkesanan intervensi awal tidak hanya bergantung kepada sebuah pusat atau satu bentuk perkhidmatan. Ia memerlukan kerjasama erat antara keluarga, pendidik, pengamal intervensi dan pihak-pihak berkepentingan.

"Daripada pengenalpastian keperluan kepada intervensi, daripada persediaan ke sekolah kepada pembelajaran inklusif, setiap peralihan perlu dirancang dengan teliti. Kita tidak mahu ada anak yang tercicir hanya kerana sokongan terhenti di antara satu peringkat dengan peringkat yang lain," ujar Yang Mulia.

Yang Mulia seterusnya berharap agar FITRAH akan terus berkembang sebagai rakan strategik Kementerian Pendidikan, bukan sekadar menggerakkan kempen kesedaran, tetapi turut memperkukuh penerimaan masyarakat, menggalakkan penyertaan dan membantu memastikan peluang yang diwujudkan benar-benar dapat dimanfaatkan.

Terdahulu, Yang Mulia merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada FITRAH sempena Ulang Tahun Penubuhannya Ke-30 dan penghargaan itu ditujukan khusus kepada para perintis yang telah meletakkan asas persatuan ini tiga dekad yang lalu dan kepada barisan kepimpinan dan ahli jawatankuasa yang meneruskan amanah tersebut serta kepada setiap ibu bapa, penjaga, pendidik, ahli terapi dan sukarelawan yang telah mencurahkan masa, tenaga dan kasih sayang tanpa mengharapkan balasan.

Di sebalik setiap kemajuan yang diraikan, terdapat kesabaran, pengorbanan dan keyakinan bahawa setiap anak berhak diberi peluang untuk berjaya. 30 tahun bukan sekadar angka dan ia melambangkan ketabahan sesebuah persatuan, kematangan kesedaran masyarakat, dan perubahan cara kita memahami keupayaan serta aspirasi individu berkeperluan khas. Namun, pencapaian masa lalu hendaklah menjadi asas untuk melangkah lebih jauh, agar sumbangan yang dicurahkan menepati perkembangan semasa.

Tambah Yang Mulia, nama FITRAH itu sendiri mengingatkan kita kepada hakikat yang amat mendasar, iaitu setiap insan dilahirkan dengan maruah, nilai dan potensi yang tersendiri. Penghayatan terhadap ayat ini menuntut kita melihat setiap anak bukan semata-mata melalui cabaran yang dihadapinya, tetapi

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

melalui martabat insan dan potensi yang dapat dikembangkan dengan bimbingan serta sokongan yang bersesuaian.

Selama tiga dekad, Yang Mulia berkata, FITRAH telah membantu memperluas kesedaran dan memperdalam kefahaman masyarakat terhadap perkembangan, kebajikan dan keperluan individu berkeperluan khas. Sumbangan ini amat besar nilainya. Namun, cabaran kita pada masa hadapan bukan hanya untuk memastikan masyarakat lebih mengetahui, tetapi juga untuk memastikan pengetahuan itu diterjemahkan kepada sikap, tindakan dan peluang yang nyata.

Sementara itu, Presiden FITRAH, Dayang Hajah Norjum binti Haji Yusop dalam ucapan alu-aluannya berkata, sepanjang 30 tahun ini, kita telah menyaksikan bagaimana FITRAH berkembang daripada sebuah inisiatif kecil kepada sebuah organisasi yang dihormati dan dipercayai. Kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa dedikasi para pengasas, kepimpinan terdahulu, sukarelawan, serta sokongan padu daripada rakan-rakan kolaborasi dan komuniti.

Kata Presiden FITRAH, melihat kepada perkembangan dan kejayaan yang telah diraih oleh pelajar-pelajar pada keseluruhannya, membuktikan bahawa pelajar berkeperluan khas boleh digilap jika diberi peluang, sokongan dan dididik mengikut kemampuan dan potensi masing-masing.

Ke arah itu, FITRAH, insyaaAllah, akan terus memperkukuh program-program pembangunan, memperluas jaringan kerjasama, serta memanfaatkan teknologi bagi memastikan impak yang lebih besar dan berkesan. Matlamat FITRAH adalah jelas untuk terus menjadi pemangkin perubahan positif melalui masyarakat inklusif.

"Dalam hubungan ini saya ingin menyeru kepada generasi muda untuk bersama-sama menyertai perjuangan ini," tambah Presiden FITRAH lagi.

Majlis diteruskan dengan Ceramah Khas daripada Dr. Koay Teng Leong, Malaysia dan Inklusiviti Digital, Peluang Pendidikan (Kolaborasi Nisai dan FITRAH) oleh Guru Kanan / Guru Peneraju, Nisai (B) Sendirian Berhad, Dayang Zatil Ridh'wah binti Darot.

Selain itu, acara juga dimeriahkan dengan persembahan nyanyian daripada pelajar-pelajar Sekolah Rendah Mabohai dan Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam, juga persembahan Tai Chi oleh Winnie Koay Shi Wei dan Madam Koay.

Majlis Gala Day hari ini memperlihatkan kepada kita satu mesej yang amat penting: bakat dan potensi tidak wajar diukur melalui satu ukuran yang sama. Apabila diberikan ruang, galakan dan sokongan, individu berkeperluan khas mampu menyerlahkan kebolehan mereka dengan cara yang tersendiri.

Selain itu, satu lagi detik yang cukup bermakna pada majlis tersebut ialah pelancaran Buku Kenangan 30 Tahun Penubuhan FITRAH. Buku ini bukan sekadar koleksi gambar dan catatan sejarah, ia merupakan rakaman tentang insan-insan yang telah menyumbang, keluarga yang tidak pernah berputus asa, serta semangat kebersamaan yang menggerakkan persatuan ini sepanjang tiga dekad.

Apa yang diharapkan adalah buku tersebut akan menjadi sumber inspirasi dan rujukan kepada generasi penerus untuk membawa perjuangan FITRAH ke tahap yang lebih tinggi. Semoga FITRAH terus maju sebagai suara yang diyakini, rakan yang dihormati dan pemangkin kepada masyarakat yang lebih prihatin serta inklusif.

MEMPERKUKUH, MEMPELBAGAIKAN PROGRAM PEMULIHAN, REINTEGRASI

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Haji Jaya
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 November. - Seramai 21 peserta terdiri daripada 13 penghuni penjara dan lapan Rakan Seliaan menerima sijil setelah menamatkan Program Latihan Teknikal dan Vokasional (Upskilling Program) dalam usaha meningkatkan kemahiran, kebolehpasaran serta peluang pekerjaan mereka.

Program berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Penjara melalui Bahagian Pemulihan dan Reintegrasi dengan kerjasama Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sijil ialah Setiausaha Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Perundangan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dayang Hajah Nor Hamidah binti Haji Hamidon yang diadakan di Dewan Silaturahim, Pusat Latihan, Jabatan Penjara, hari ini.

Turut hadir, Pemangku Pengarah Penjara, Awang Bahrin bin Mohammad Yassin, pegawai-pegawai kanan BIBD serta pegawai dan fasilitator Megamas Training Company Sendirian Berhad.

Menerusi program berkenaan, seramai 13 penghuni penjara telah mengikuti Kursus Safe Erection and Dismantling of Scaffolds - Part A pada 5 hingga 8 Oktober 2026 di Institusi Penjara Maraburong Fasa I.

Sementara itu, empat Rakan Seliaan turut mengikuti kursus yang sama, manakala empat Rakan Seliaan lainnya mengikuti Kursus Forklift/Telehandler Operator di Pusat Latihan Megamas Training Company Sendirian Berhad.

SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan, Penguatkuasaan dan Perundangan), KHEDN, Dayang Hajah Nor Hamidah binti Haji Hamidon hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut yang diadakan di Dewan Silaturahim, Pusat Latihan, Jabatan Penjara.

Program latihan tersebut bertujuan membekalkan para peserta dengan kemahiran teknikal yang relevan dengan sektor pembinaan, perindustrian dan logistik, di samping memberikan pendedahan mengenai pematuhan prosedur keselamatan serta amalan kerja yang berdisiplin.

Kemahiran yang diperoleh dihasratkan dapat meningkatkan keyakinan dan kebolehpasaran para peserta, sekali gus meluaskan peluang mereka untuk mendapatkan pekerjaan atau menjana pendapatan.

Melalui kerjasama dengan BIBD dan pihak-pihak berkepentingan,



Jabatan Penjara akan terus berusaha memperkukuh serta mempelbagaikan program pemulihan dan reintegrasi bagi membantu penghuni penjara dan Rakan Seliaan membina kehidupan yang lebih berdikari serta kembali menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Selain Program Latihan Teknikal dan Vokasional, Jabatan Penjara turut melaksanakan Program Pendidikan 'O' Level Kohort 2026, Projek Penanaman Padi Hibrid dan Padi Bukit serta Projek Rumah Hijau (*Greenhouse*) berasaskan Sistem Fertigasi.

Semai kecintaan generasi muda terhadap kisah para Nabi, Rasul



TIMBALAN Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian hadiah kepada para pemenang pada peringkat akhir pertandingan tersebut yang berlangsung di Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Berita dan Foto : Siti Rokiah Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 November. - Awang Ahmad Wildan Dhiya'ul Iman bin Awang Yus Kamarulzaman dari Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SA SHHB) dinobatkan sebagai juara Kategori Bahasa Melayu, manakala Awang Mohammad Malik Zikri bin Awang Mohammad Faiz, juga dari sekolah berkenaan, muncul juara Kategori Bahasa Inggeris pada Pertandingan Jejak Anbiya' : Kisah Para Nabi dan Rasul.

Pertandingan peringkat akhir yang berlangsung di Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), Jabatan Perdana Menteri, hari ini menyaksikan para finalis mengetengahkan kreativiti, keyakinan serta penghayatan dalam menyampaikan kisah para Nabi dan Rasul melalui pendekatan penceritaan yang menarik.

Awang Ahmad Wildan Dhiya'ul Iman meraih kemenangan bagi Kategori Bahasa Melayu menerusi penyampaian cerita bertajuk 'Nabi Nuh', diikuti oleh Awang Muhammad Umar Muayyad bin Muhammad Zulhilmi dari Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien, Kuala Belait, di tempat kedua dengan cerita 'Nabi Hud dan Keangkuhan Kaum Aad'.

Manakala tempat ketiga bagi kategori berkenaan disandang oleh Awang Ahmad Hanif bin Mohd. Helmy dari SA SHHB melalui cerita 'Nabi Yusof' dan beliau turut meraih anugerah Persembahan Terbaik.

Sementara itu, bagi Kategori Bahasa Inggeris, Awang Mohammad Malik Zikri dari SA SHHB berjaya meraih tempat pertama dengan cerita 'Nabi Sulaiman'.

Tempat kedua dimenangi oleh Shaikh Muhammad 'Ammar bin Mohd. Dzulazmi dari sekolah yang sama menerusi cerita 'Nabi Ayub', manakala tempat ketiga diraih oleh Dayang Izzah Nura binti Awang Muhammad Nurul Hibatullah dari Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit dengan cerita 'The Prophet Who Never Lost Hope'.

Bagi kedua-dua kategori, johan menerima hadiah wang tunai sebanyak BND300, naib johan BND250 dan tempat ketiga BND200, selain sijil penyertaan, plak tajaan Fadil Al-Rashid Enterprise, cenderahati tajaan Aewon serta baucar tajaan Margherita Pizzeria, Al-Riyada Consulting dan Ideal Sdn. Bhd.

Pemenang Persembahan Terbaik turut menerima hamper tajaan D'Sunlit Sdn. Bhd., manakala para pemenang sagu hati bagi setiap kategori menerima cenderahati tajaan Aewon, baucar tajaan Ideal Sdn. Bhd. dan Samima Sdn. Bhd. serta sijil penyertaan.

Pertandingan berkenaan dianjurkan oleh BKISHHB dengan kerjasama Radio Televisyen Brunei, Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Pengajian Islam, Jabatan Sekolah-Sekolah, Jabatan Pendidikan Kokurikulum, dan Dewan Bahasa dan Pustaka, bertujuan memupuk minat generasi muda, khususnya kanak-kanak, untuk mendalami serta menghayati kisah para Nabi dan Rasul, di samping menerapkan nilai-nilai akhlak mulia yang boleh dijadikan teladan dalam kehidupan seharian.

Seramai 10 peserta daripada lima buah sekolah berjaya melayakkan diri ke peringkat akhir pertandingan, yang bertemakan 'Menelusuri Kisah Para Nabi dan Rasul : Teladan Akhlak Mulia'.

Hadir selaku tetamu kehormat pada peringkat akhir pertandingan ialah Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pendidikan, Dr. Eddy Fadzlin bin Haji Amdan.

Sebelum pengumuman keputusan pertandingan, majlis dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Timbalan Pengarah BKISHHB, Pengiran Haji Mohammad Jeffrynul Hafli bin Pengiran Haji Ali selaku Pengerusi Bersama.



Semasa menyampaikan ucapan, beliau antara lain menyentuh mengenai peranan pertandingan tersebut sebagai salah satu inisiatif pendidikan dalam menyemai kecintaan generasi muda terhadap kisah para Nabi dan Rasul, menerapkan nilai-nilai murni serta membentuk akhlak mulia.

Di samping itu, pertandingan ini turut berperanan dalam mengembangkan keyakinan diri, kemahiran komunikasi, kreativiti serta bakat peserta dalam bidang penceritaan.

Seterusnya, Ketua Hakim pertandingan, Pengiran Hajah Mumtazah binti Pengiran Haji Md. Jaafar, dalam ucapannya menzahirkan rasa bangga terhadap finalis yang telah memperlihatkan kreativiti, keyakinan dan penghayatan dalam menyampaikan kisah para Nabi dan Rasul.

Beliau turut berharap agar pertandingan seumpama ini dapat meningkatkan pengetahuan serta memupuk penghayatan terhadap nilai-nilai murni untuk dijadikan teladan dalam kehidupan seharian.

Penganjuran pertandingan itu diharap akan terus menjadi platform pendidikan dan dakwah yang kreatif serta interaktif dalam menyampaikan ilmu dan penghayatan nilai-nilai Islam kepada generasi muda, selaras dengan peranan BKISHHB sebagai Pusat Warisan Ilmu Islam dalam mengumpul, memelihara, mengkaji dan menyebarluaskan khazanah ilmu Islam kepada masyarakat.

SM YSHHB ADAKAN MAJLIS GRADUASI RAIKAN PENCAPAIAN AKADEMIK PELAJAR



ANTARA penerima sijil yang diraikan ialah cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien iaitu Mohammad Ashraf As-Seddiq bin Abdul Yusrin.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 November. - Sekolah Menengah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SM YSHHB) telah mengadakan Majlis Graduasi Tahun 11 2026 buat julung kalinya bagi meraikan seramai 103 pelajar yang berjaya menamatkan pendidikan menengah mereka.

Majlis yang berlangsung di Dewan An-Naura itu telah disempurnakan oleh tetamu kehormat, Penolong Pengarah Urusan Perkhidmatan Korporat, Awang Haji Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad juga selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Antara penerima sijil yang diraikan ialah cucunda Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien iaitu Mohammad Ashraf As-Seddiq bin Abdul Yusrin.

Terdahulu, dalam ucapan alu-aluannya, Pengetua SM YSHHB, Dayang Sarimah binti Haji Lusin menzahirkan rasa bangga terhadap pencapaian para graduan serta mengingatkan bahawa kejayaan menamatkan pendidikan menengah bukan sahaja merupakan penutup satu fasa kehidupan, malah menjadi permulaan kepada perjalanan baharu yang akan membentuk masa depan pelajar.

Beliau turut menekankan bahawa pengalaman menghadapi cabaran, ketabahan dalam mengharungi kesukaran dan keupayaan untuk terus berusaha merupakan nilai penting yang akan menjadi bekalan para pelajar dalam kehidupan, selain pencapaian akademik.

Para graduan juga diseru agar sentiasa mengamalkan nilai integriti, rendah hati, keberanian dan sifat belas ihsan serta menggunakan ilmu yang diperoleh untuk memberikan manfaat kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Majlis tersebut bertujuan memberikan penghargaan dan pengiktirafan terhadap pencapaian akademik, perkembangan sahsiah serta sumbangan para pelajar Tahun 11 sepanjang tempoh persekolahan mereka.

Selain itu, majlis berkenaan turut memberikan peluang kepada ibu bapa, penjaga, guru-guru dan warga sekolah untuk bersama-sama meraikan detik bermakna dalam kehidupan para graduan. Sebagai majlis graduasi sulung sekolah berkenaan, acara tersebut juga menandakan permulaan kepada satu tradisi yang bermakna dan berterusan pada masa akan datang.

Majlis itu turut menjadi wadah untuk mengukuhkan kerjasama dan hubungan antara pihak sekolah dengan ibu bapa melalui penglibatan mereka dalam meraikan kejayaan para pelajar. Penganjuran majlis berkenaan mencerminkan komitmen pihak sekolah terhadap nilai-nilai kecemerlangan, keterangkuman, perpaduan dan pembangunan holistik pelajar.

Melalui majlis tersebut, para graduan berpeluang mengenang kembali perjalanan pendidikan mereka, meraikan kejayaan yang dicapai serta mencipta kenangan manis bersama rakan-rakan, guru-guru dan ahli keluarga.

Majlis itu juga diharap dapat menyuntik semangat, keyakinan dan inspirasi kepada para graduan untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi serta mencapai cita masing-masing.

Pihak sekolah turut berharap agar Majlis Graduasi Tahun 11 berkenaan dapat dijadikan acara tahunan yang berterusan, sekali gus memberikan motivasi kepada generasi pelajar akan datang untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam pelbagai bidang.

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Alishahrin Haji Mumin



PENOLONG Pengarah Urusan Perkhidmatan Korporat, Awang Haji Abdullah @ Dollah bin Haji Ahad, juga selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Sekolah Yayasan YSHHB hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut yang berlangsung di Dewan An-Naura.

Platform perkongsian kepakaran, penyelidikan pendidikan Islam

PALANGKARAYA, REPUBLIK INDONESIA, Selasa, 24 November. – Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) terus memperkukuh peranannya dalam memperkasa perkembangan ilmu Islam di peringkat serantau menerusi penyertaan aktif dalam Konferensi Antarabangsa Islam Borneo Ke-17 (KAIB 17) Tahun 2026 yang berlangsung dari 22 hingga 24 November 2026 di Kota Palangkaraya, Kalimantan Tengah, Republik Indonesia.

Delegasi KUPU SB diketuai oleh Penolong Ra'es III (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian, yang telah diberi penghormatan untuk menyampaikan ucap perdana pada persidangan tersebut.

Turut mengiringi delegasi, Pengarah Pusat Antarabangsa dan Perhubungan Awam, KUPU SB, Awang Mohammad Muslihuddin Syah bin Haji Mustafa, selaku Pegawai Perhubungan, serta dua ahli akademik KUPU SB, iaitu Dr. Awang Haji Noralizam bin Haji Aliakbar; dan Dr. Awang Haji Matussein bin Haji Jumat yang membentangkan kertas kerja ilmiah.

Hadir sama, perwakilan dari Jabatan Mufti Kerajaan dan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

KAIB 17 Tahun 2026 telah dirasmikan oleh Yang Terhormat H. Edy Pratowo, S.Sos., M.M., wakil Gubernur Kalimantan Tengah, melalui simbolik pemukulan gong.

Turut hadir pada majlis perasmian tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, selaku wakil Menteri Hal Ehwal Ugama, yang seterusnya menyampaikan ucaptama.

Bertemakan 'Transformasi Peradaban dan Kelestarian Ummah dalam Era Teknologi dan Kecerdasan Buatan (AI)', pelaksanaan KAIB 17 di Palangkaraya, Republik Indonesia melibatkan kerjasama antara Universitas Islam Negeri Palangka Raya, Universiti Teknologi MARA Sarawak (UiTM Sarawak), Universiti Tekonologi MARA Sabah (UiTM Sabah), UNISSA, KUPU SB, Universitas Mulawarman, Samarinda, Universitas Islam Negeri Sultan Aji Muhammad Idris Samarinda (UINSI), Universitas Lambung Mangkurat Banjarmasin (ULM), Universitas Islam Negeri Antasari Banjarmasin, Universitas Tanjungpura Pontianak (UNTAN), dan Institut Agama Islam Negeri Pontianak.

Penyertaan KUPU SB dalam persidangan berkenaan bukan sahaja menjadi platform untuk berkongsi kepakaran dan hasil penyelidikan, malah turut mengukuhkan jaringan kerjasama akademik serantau serta memperluas peluang kolaborasi dalam bidang pendidikan Islam, penyelidikan dan pembangunan ummah di peringkat antarabangsa.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama,



PENOLONG Ra'es III (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Awang Haji Md. Syahiran bin Haji Md. Sofian hadir mengetuai Delegasi KUPU SB pada KAIB 17 Tahun 2026 di Kota Palangkaraya, Kalimantan Tengah, Republik Indonesia. Turut hadir pada majlis perasmian tersebut, Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar, selaku wakil Menteri Hal Ehwal Ugama, dan menyampaikan ucaptama.

HALUAN

>> Muka 2

Disembahkan bahawa bagi memastikan budaya inovasi disokong oleh keupayaan yang relevan dengan tuntutan masa hadapan, penekanan khusus diberikan kepada kemahiran digital seperti Computational Thinking dan AI. Kementerian Pendidikan telah menyediakan Brunei Darussalam Digital Literacy Standards (BDDLS) dan mengemaskini kurikulum ICT. Langkah ini memenuhi objektif pelan strategik Kementerian Pendidikan 2023-2027 dan disokong oleh Rangka Kerja Digital Citizenship Kementerian Pendidikan.

Disembahkan bahawa tindakan untuk memperkemas kualiti pendidikan turut dilaratkan di kesemua peringkat pendidikan sama ada di Institusi Pendidikan kerajaan dan swasta. Bagi tujuan ini, Alhamdulillah SOP Institusi Pendidikan Swasta (SOP-IPS) telah dikemaskini dan telah mula dikuatkuasakan pada Januari 2026. Prosedur ini merangkumi elemen pendaftaran sekolah, guru, dan yuran, di samping aspek baharu seperti kelulusan binaan bangunan, aktiviti luar, penempatan tenaga pengajar serta pemantauan berterusan.

Pada kesempatan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung perkenan menyampaikan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada para penerima Anugerah Hari Guru Kali Ke-36, serta merakamkan setulus penghargaan dan ucapan terima kasih kepada seluruh warga guru di Negara Brunei Darussalam. Segala jasa dan dedikasi para guru akan sentiasa dikenang dan dihargai sebagai nadi kepada pendidikan yang lestari dan inovatif.

Demikianlah disembahkan. Sebelum hamba Kebawah Duli Tuan Patik menjunjung anugeraha berundur diri, sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih dirakamkan kepada semua pihak yang telah bersama-sama mengungkayahkan dan menjayakan majlis pada hari ini. Semoga segala usaha dan sumbangan ikhlas tersebut mendapat keberkatan serta ganjaran pahala yang berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Aamiin, Aamiin Ya Rabbal 'Alamin.

Bagi mengakhiri Sembah Alu-Aluan ini, hamba Kebawah Duli Tuan Patik dengan rendah diri menyembahkan berbanyak-banyak menjunjung ampun bagi sebarang susun sembah dan suruk langkah yang tiada majalis dalam Majlis Sambutan Hari Guru ini.

Sekian, *Wabillahi Taufiq Wal Hidayah*, *Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*.

MEMPERKASA JARINGAN AKADEMIK, MEMBINA MASYARAKAT BERILMU

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



REKTOR UNISSA, Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani hadir menyampaikan ucaptama pada University Rectors' Forum dalam persidangan The International Academic Conference on the Palestinian Cause and the Systems of Knowledge, Liberation, and Justice in the Contemporary World: Towards Comprehensive Strategic Assessment and Foresight yang berlangsung di Istanbul, Republik Türkiye baru-baru ini.

ISTANBUL, REPUBLIK TÜRKIYE, Isnin, 23 November. - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani menyampaikan ucaptama dalam University Rectors' Forum dalam persidangan The International Academic Conference on the Palestinian Cause and the Systems of Knowledge, Liberation, and Justice in the Contemporary World: Towards Comprehensive Strategic Assessment and Foresight yang berlangsung di Istanbul, Republik Türkiye.

Persidangan anjuran The International Academic Forum for al-Quds Affairs dan The Islamic University of Gaza berkenaan menjadi platform pertemuan pemimpin universiti, ahli akademik dan sarjana antarabangsa bagi membincangkan peranan institusi ilmu dalam memperjuangkan keadilan, memperkukuh pendidikan dan menyokong masa depan rakyat Palestin.

Dalam ucaptama bertajuk 'The Palestinian Cause and the Redefinition of the Roles of Universities and Knowledge Institutions: From Awareness Building to Advocacy and Ethical Responsibility', Rektor UNISSA menegaskan bahawa Institusi Pengajian Tinggi (IPT) perlu bergerak melangkaui usaha meningkatkan kesedaran kepada advokasi akademik berasaskan bukti dan pelaksanaan tanggungjawab etika secara berterusan.

Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir turut menggariskan tiga tanggungjawab utama universiti, iaitu memperkukuh kesedaran berasaskan ilmu dan kebenaran, memperkasa advokasi melalui penyelidikan serta penerbitan ilmiah, dan menterjemahkan tanggungjawab etika kepada dasar serta tindakan institusi yang berimpak.

Menurutnya lagi, universiti mempunyai tanggungjawab untuk memastikan isu Palestin difahami melalui penelitian sejarah, undang-undang antarabangsa, ekonomi, pendidikan dan kemanusiaan secara objektif, berintegriti dan berasaskan bukti yang boleh disahkan.

Beliau turut menekankan kepentingan literasi media dan penggunaan Kecerdasan Buatan (AI) secara bertanggungjawab bagi menangani penyebaran maklumat palsu, manipulasi fakta serta salah tafsir terhadap perkembangan konflik.

Dalam mengetengahkan pengalaman UNISSA, Rektor UNISSA juga menjelaskan bahawa UNISSA telah melahirkan empat graduan warganegara Palestin, seorang di peringkat Sarjana Muda, dua orang di peringkat Sarjana dan seorang di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang berkaitan bahasa Arab dan Syariah.

Graduan Doktor Falsafah tersebut tambahnya lagi, kini sedang berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Syariah, UNISSA. Selain itu, dua pelajar Palestin juga sedang mengikuti pengajian pascasiswazah dalam bidang Usuluddin dan Pengurusan Pembangunan, dengan bantuan kewangan turut disalurkan bagi menyokong pengajian mereka.

Di samping menyediakan peluang pendidikan katanya lagi, UNISSA juga turut menyumbang kepada pengembangan kefahaman akademik mengenai isu Palestin melalui penyelidikan dan penerbitan ilmiah. Antara sumbangan tersebut ialah penerbitan buku hasil penulisan sekumpulan ahli akademik UNISSA bertajuk 'Understanding the Israel-Palestine Conflict: A Study of History and the Socio-Political Dimension of International Law'.

Penerbitan berkenaan jelasnya, mencerminkan usaha UNISSA untuk memperkukuh wacana ilmiah mengenai konflik Israel-Palestin melalui penelitian sejarah, dimensi sosiopolitik dan perspektif undang-undang antarabangsa, sekali gus menyumbang kepada pembentukan kefahaman yang lebih mendalam dan berasaskan ilmu.

Rektor UNISSA turut mengemukakan lima cadangan untuk dipertimbangkan oleh pemimpin universiti yang menghadiri forum berkenaan, iaitu, pertama, memperluas akses pendidikan kepada pelajar dan ahli akademik Palestin melalui biasiswa, bantuan yuran pengajian, bimbingan akademik serta peluang pembelajaran jarak jauh.

"Kedua, mewujudkan jaringan penyelidikan antarabangsa yang melibatkan sarjana Palestin dalam bidang pendidikan, pemeliharaan warisan budaya, keperluan kemanusiaan dan pembangunan ekonomi mampan.

"Ketiga, memperkukuh usaha pemeliharaan dokumen sejarah dan bahan ilmiah melalui perpustakaan, arkib dan repositori digital yang selamat bagi memastikan khazanah ilmu serta bukti sejarah terus terpelihara.

"Keempat, membangunkan program pengajaran dan penglibatan masyarakat secara bersama bagi meningkatkan kefahaman sejarah, undang-undang antarabangsa, literasi digital dan nilai-nilai etika; dan kelima, menterjemahkan deklarasi kepada tindakan yang boleh diukur melalui penetapan inisiatif institusi, tanggungjawab pelaksanaan, garis masa dan petunjuk pencapaian yang jelas," ujarnya lagi.

Profesor Madya Dr. Awang Abdul Nasir juga menegaskan bahawa kerjasama universiti perlu bergerak daripada pernyataan solidariti kepada inisiatif akademik yang praktikal, mampan dan memberikan manfaat langsung kepada masyarakat Palestin.

Menurutnya lagi, ilmu pengetahuan bukan sekadar instrumen untuk memperoleh kelayakan akademik atau kejayaan memperoleh kerjaya, bahkan merupakan amanah yang perlu dimanfaatkan bagi memelihara Maqasid al-Syariah yang meliputi nyawa, akal, maruah dan kesejahteraan manusia.

Turut menyertai rombongan UNISSA ke persidangan tersebut, Pendaftar UNISSA, Dayang Zalinawati binti Awang Haji Mohaimin; dan Ketua Program Pra-Siswazah, Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam, UNISSA, Dr. Amni Suhailah binti Abarahan.

Penyertaan delegasi UNISSA dalam persidangan antarabangsa berkenaan mencerminkan komitmen universiti untuk memperkukuh hubungan akademik antarabangsa, mengembangkan penyelidikan berimpak dan menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang lebih adil, berilmu dan berperikemanusiaan.

Kerjasama UBD, Leave a Nest Malaysia perkasa pengkomersialan penyelidikan



NAIB Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD), Dr. Hazri bin Haji Kifle ketika hadir menyaksikan dan seterusnya bergambar ramai bersama Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Leave a Nest, Dr. Yukihiro Maru pada Majlis Penandatanganan Memorandum of Understanding (MoU) antara UBD dan Leave a Nest Malaysia Sdn. Bhd.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 November. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Leave a Nest Malaysia Sdn. Bhd. memeterai kerjasama strategik bagi memperkukuh pengkomersialan hasil penyelidikan, menyokong keusahawanan berasaskan teknologi serta membuka peluang kepada para penyelidik dan inovator UBD untuk menjalinkan hubungan dengan rakan industri di peringkat serantau.

Kerjasama berkenaan dimeterai menerusi penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) yang berlangsung di Inspiring Hall, UBD, sekali gus menggabungkan keupayaan penyelidikan universiti serta bakat keusahawanan baharu dengan kepakaran Leave a Nest Malaysia dalam pendidikan sains dan teknologi, pembangunan penyelidik serta sokongan kepada syarikat pemula (*startup*).

Menerusi rangkaian antarabangsa Leave a Nest Group, para penyelidik, pelajar dan usahawan UBD berpeluang meneroka jaringan kerjasama dengan pakar industri, syarikat serta komuniti penyelidikan di seluruh Asia Tenggara, Jepun dan negara-negara lain.

Di bawah kerjasama yang dicadangkan, kedua-dua pihak berhasrat meneroka pelaksanaan aktiviti penyelidikan dan inovasi bersama, pemadanan antara pihak industri dengan penyelidik serta pelbagai inisiatif bagi menterjemahkan hasil penemuan penyelidikan yang berpotensi kepada aplikasi praktikal.

Tumpuan khusus akan diberikan kepada usaha memperkukuh laluan pemindahan teknologi, pembangunan bukti konsep (*proof-of-concept*), penubuhan syarikat pemula serta pengkomersialan hasil penyelidikan.

Ini termasuk memudah cara penglibatan secara bersasar antara para penyelidik dengan rakan industri, di samping menyediakan peluang bagi pembentangan teknologi, bimbingan serta penilaian potensi komersial.

Melalui pelbagai aktiviti tersebut, kedua-dua belah pihak juga berhasrat untuk meneroka potensi aplikasi industri, pelaksanaan projek perintis, pelesenan teknologi serta pembangunan syarikat pemula yang berasaskan hasil penyelidikan.

Dengan menghubungkan kekuatan penyelidikan UBD kepada keperluan industri dan kepakaran keusahawanan, kerjasama berkenaan diharap dapat memajukan pengkomersialan hasil penyelidikan, menggalakkan pembangunan perusahaan berasaskan sains serta memupuk bakat inovasi tempatan.

Usaha tersebut adalah selaras dengan aspirasi Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam memperkukuh keupayaan tempatan dalam pembangunan teknologi, melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dan berinovatif serta menyokong pertumbuhan industri berasaskan pengetahuan.

Melalui pembangunan inovasi tempatan dan teknologi yang berdaya maju dari segi komersial, kerjasama itu juga dihasratkan dapat menyumbang kepada usaha jangka panjang Negara Brunei Darussalam dalam mempelbagaikan ekonomi serta membangunkan ekonomi yang dinamik dan mampan.

MoU berkenaan ditandatangani oleh Pemangku Penolong Naib Canselor (Penglibatan Industri dan Pembangunan Perusahaan) UBD, Dayang Hajah Maudena binti Haji Abdul Hamid, bagi pihak UBD; manakala Leave a Nest Malaysia Sdn. Bhd. diwakili oleh Pengarah Urusannya, Abdul Hakim Sahidi.

Majlis penandatanganan tersebut disaksikan oleh Naib Canselor UBD, Dr. Hazri bin Haji Kifle; dan Pengasas dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Leave a Nest, Dr. Yukihiro Maru.

MEMPERKUKUH KESIAPSIAGAAN MENGHADAPI KECEMASAN RADIOLOGI

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Nur Hafilah Pg. Osman





SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Lawatan Misi Pakar IAEA bagi Penilaian Kesiapsiagaan dan Tindak Balas Perubatan terhadap Kecemasan Radiologi anjuran Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Agensi Tenaga Atom Antarabangsa yang berlangsung selama lima hari, bermula 23 hingga 27 November 2026 (atas dan kiri).

BERIBI, Isnin, 23 November. - Kementerian Kesihatan dengan kerjasama Agensi Tenaga Atom Antarabangsa (International Atomic Energy Agency - IAEA), mengadakan Lawatan Misi Pakar IAEA bagi Penilaian Kesiapsiagaan dan Tindak Balas Perubatan terhadap Kecemasan Radiologi (Assessment of Medical Preparedness and Response for Radiological Emergencies) selama lima hari, bermula 23 hingga 27 November 2026.

Lawatan Misi Pakar berkenaan merupakan antara aktiviti utama di bawah Program Kerjasama Teknikal IAEA bagi Tahun 2026-2027 (IAEA Technical Cooperation Programme 2026-2027), menerusi projek bertajuk 'Establish Medical Capacity in Preparedness and Response for Radiological Emergencies'.

Kerjasama berkenaan bertujuan untuk memperkukuh keupayaan dan kesiapsiagaan sektor kesihatan negara dalam menghadapi kecemasan yang melibatkan bahan radioaktif atau pendedahan kepada radiasi, khususnya daripada aspek persediaan dan pelaksanaan tindak balas perubatan yang berkesan.

Terdahulu, Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Adi Ihram bin Dato Paduka Haji Mahmud, dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan bahawa keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan penduduk negara ini kekal menjadi keutamaan asas Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurutnya, walaupun negara ini jarang mengalami bencana besar, keadaan tersebut tidak seharusnya menyebabkan kita leka atau berasa terlalu selesa dengan keadaan yang ada. Antara cabaran terbesar dalam kesiapsiagaan menghadapi kecemasan ialah membuat pelaburan bagi sesuatu yang sememangnya kita berharap tidak akan berlaku atau diperlukan. Namun demikian, kesan akibat ketidaksediaan boleh jauh lebih besar berbanding pelaburan yang dibuat pada masa ini.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa kecemasan radiologi menggambarkan cabaran tersebut. Walaupun jarang berlaku, potensi kesannya terhadap kesihatan awam, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan keyakinan orang ramai boleh menjadi amat besar. Tindak balas yang berkesan memerlukan keupayaan khusus, pembahagian tanggungjawab yang jelas serta penyelarasan rapat antara pelbagai agensi.

Dalam pada itu, beliau turut menjelaskan bahawa pengaturan pengurusan bencana negara, yang disokong oleh Majlis Bencana Kebangsaan, menyediakan asas penting bagi memastikan tindak balas yang terselaras.

Di peringkat Kementerian Kesihatan tambahnya, usaha turut dipergiatkan bagi memperkukuh rangka kerja Pengurusan Kesihatan Bencana yang merangkumi perancangan kecemasan, kesiapsiagaan hospital dan tindak balas prahospital.

"Usaha-usaha ini amat tepat pada masanya memandangkan Kementerian Kesihatan sedang melangkah ke arah pelaksanaan Pelan Strategik 2027-2031 yang berpandukan visi 'Negara yang Lebih Sihat'.

"Salah satu keutamaan dalam pelan ini ialah Keselamatan dan Sekuriti Kesihatan, yang disokong oleh objektif strategik untuk meningkatkan ketahanan sistem kesihatan.

"Fokus utamanya adalah untuk memperkukuh keupayaan keselamatan kesihatan negara serta mempersiapkan sistem penjagaan kesihatan agar mampu bertindak balas dengan berkesan terhadap ancaman yang muncul dan kecemasan berskala besar," ujarnya lagi.

Awang Haji Adi Ihram seterusnya menjelaskan bahawa Misi Pakar IAEA berkenaan secara langsung menyokong hala tuju tersebut, di samping menyumbang kepada Wawasan Brunei 2035 dan Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), khususnya SDG 3 mengenai Kesihatan Baik dan Kesejahteraan serta SDG 17 mengenai Kerjasama untuk Mencapai Matlamat.

Misi berkenaan tambahnya, merupakan sebahagian daripada Program Kerjasama Teknikal IAEA 2026-2027 melalui projek 'Mewujudkan Keupayaan Perubatan dalam Kesiapsiagaan dan Tindak Balas terhadap Kecemasan Radiologi'.

Mengulas lanjut mengenai pelaksanaan misi tersebut, beliau berkata, dalam tempoh lima hari akan datang, misi berkenaan akan meneliti pengaturan di peringkat kebangsaan dan sektor kesihatan, menilai keupayaan sedia ada serta mengenal pasti jurang keutamaan yang perlu ditangani.

"Melalui perbincangan pelbagai agensi, latihan simulasi berasaskan meja (*table-top exercise*) dan lawatan ke beberapa kemudahan penjagaan kesihatan terpilih, diharapkan misi ini dapat menghasilkan cadangan praktikal yang akan menjadi panduan bagi penambahbaikan pada masa hadapan.

"Bagi sebuah negara kecil seperti NBD, pendekatan yang diambil perlulah praktikal dan mampan. Kita tidak boleh mengharapkan setiap institusi memiliki semua keupayaan khusus yang diperlukan.

"Sebaliknya, kita perlu memanfaatkan sumber sedia ada secara berkesan, mewujudkan pengaturan rujukan dan sokongan yang jelas serta memastikan semua agensi dapat bekerjasama sebagai satu sistem yang terselaras," ujarnya lagi.

Awang Haji Adi Ihram turut menambah bahawa saiz negara yang kecil juga boleh menjadi satu kelebihan memandangkan kebanyakan agensi kita sudah pun bekerjasama rapat, dan para pegawai sering mengenali rakan sejawatan mereka di organisasi lain. Hubungan berkenaan merupakan asas yang amat bernilai untuk memperkukuh kesiapsiagaan negara.

Majlis yang berlangsung di Greenmont Hotel, Gadong berkenaan turut dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan, wakil-wakil daripada agensi kerajaan yang berkepentingan serta pakar-pakar IAEA.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Bersama Jawatankuasa Penganjur dan seterusnya sesi taklimat mengenai misi berkenaan yang disampaikan oleh pakar IAEA, Dr. Tominaga.

Taklimat tersebut antara lain menggariskan pendekatan penilaian, garis panduan IAEA yang berkaitan serta aktiviti-aktiviti yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh lawatan misi berkenaan.

Objektif utama Lawatan Misi Pakar berkenaan adalah untuk menilai tahap kesiapsiagaan serta pengaturan tindak balas perubatan sedia ada di NBD dalam menghadapi kecemasan radiologi. Penilaian tersebut juga bertujuan merangka cadangan praktikal bagi memperkukuh kesiapsiagaan negara, khususnya dalam sektor penjagaan kesihatan.

Sehubungan itu, lawatan misi berkenaan akan memberikan tumpuan kepada beberapa bidang utama, termasuk penelitian terhadap pengaturan kesiapsiagaan dan tindak balas kecemasan radiologi di peringkat kebangsaan serta antara agensi. Ini merangkumi aspek peranan, tanggungjawab dan mekanisme penyelarasan antara agensi yang terlibat.

Penilaian turut meliputi keupayaan sedia ada dalam sektor kesihatan, khususnya daripada aspek kesihatan awam, perkhidmatan prahospital dan kesiapsiagaan hospital.

Selain itu, tahap kesiapsiagaan fasiliti-fasiliti penjagaan kesihatan terpilih akan dinilai berdasarkan garis panduan IAEA yang berkaitan. Penilaian tersebut juga akan mengenal pasti kekuatan operasi serta bidang-bidang yang memerlukan penambahbaikan, di samping merangka cadangan mengikut keutamaan dan pelan hala tuju yang bersesuaian bagi memperkukuh kesiapsiagaan perubatan, pembangunan kapasiti serta penyelarasan antara agensi.

Sepanjang lima hari pelaksanaan lawatan misi, pelbagai aktiviti akan dijalankan dari 23 hingga 27 November 2026. Aktiviti-aktiviti tersebut termasuk sesi taklimat teknikal, perbincangan bersama pihak-pihak berkepentingan, bengkel penilaian pelbagai agensi serta lawatan penilaian ke fasiliti-fasiliti penjagaan kesihatan terpilih.

Lawatan Misi Pakar tersebut melibatkan penyertaan pegawai-pegawai dan wakil-wakil daripada pelbagai jabatan serta perkhidmatan di bawah Kementerian Kesihatan, termasuk Perkhidmatan Ambulans Perubatan Kecemasan (Emergency Medical Ambulance Services - EMAS), Perkhidmatan Hospital, Perkhidmatan Radiologi, Perkhidmatan Makmal dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar.

Turut terlibat ialah wakil-wakil daripada pelbagai agensi berkepentingan, antaranya Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (National Disaster Management Centre - NDMC), Autoriti Kebangsaan Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar (Safety, Health and Environment National Authority - SHENA), Pusat Penyelaras Kebangsaan bagi Kimia, Biologi, Radiologi dan Nuklear (National Chemical, Biological, Radiological and Nuclear - CBRN Focal Point), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), The Brunei Cancer Centre (TBCC) serta agensi-agensi berkaitan yang lain.

Melalui kerjasama teknikal bersama IAEA berkenaan, Kementerian Kesihatan berhasrat memanfaatkan kepakaran dan pengalaman antarabangsa bagi mengenal pasti bidang-bidang yang memerlukan pengukuhan serta membangunkan langkah-langkah penambahbaikan yang lebih berstruktur dan praktikal.

Penilaian berkenaan dijangka menghasilkan cadangan penambahbaikan mengikut keutamaan serta pelan hala tuju bagi pembangunan kapasiti, latihan, eksesais kecemasan dan penambahbaikan sistem kesiapsiagaan serta tindak balas perubatan terhadap kecemasan radiologi di NBD.

Inisiatif berkenaan mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kesihatan, dengan kerjasama pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan, dalam memperkukuh kesiapsiagaan negara, meningkatkan keselamatan pesakit dan petugas kesihatan, serta memastikan sistem penjagaan kesihatan negara kekal berdaya tahan dan berupaya memberikan tindak balas yang berkesan terhadap pelbagai bentuk kecemasan kesihatan awam.

PELITA BRUNEI

Bagaimana Tuntutan Syara' Dalam Mengusung Jenazah?

KELUARAN KEDUA

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

CARA kedua mengusung jenazah dinamakan *baina al-'amudain*, iaitu mengusung di antara dua batang kayu. Cara usungan inidigunakan semasa mengusung jenazah Sa'd bin Abi Waqqash *Radhiallahu 'anhu.*

Kitab Sabil al-Muhtadin, karangan Muhammad Arsyad al-Banjari *Rahimahullah*, memberi gambaran bentuk fizikal usungan ini sebagai rangka berbentuk seolah-olah segi tiga kerana bahagian hadapan lebih sempit, manakala bahagian belakang lebih lebar. Ia terdiri daripada dua batang kayu yang menjadi rangka utama, dan terdapat dua kayu melintang di bahagian hadapan dan belakang. Kayu melintang ini berfungsi untuk mengikat kayu utama di kiri dan kanan, serta mengukuhkan rangka utama tersebut.

Manakala dari segi bilangan pengusung, Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya al-Majmu' menyatakan bahawa pengusung jenazah sekurang-kurangnya terdiri daripada tiga orang lelaki. Seorang lelaki berada di hadapan dan dua orang berada di belakang. Lelaki yang berada di hadapan meletakkan kedua-dua batang kayu utama bahagian hadapan yang sempit itu di atas kedua belah bahunya, manakala kepalanya berada di tengah-tengah antara dua batang kayu utama tersebut. Kayu melintang yang berada di antara kedua kayu utama bahagian hadapan itu diletakkan di bahagian belakang tengkuk antara dua belikat. Manakala dua orang lelaki yang berada di belakang masing-masing memikul satu batang kayu di bahagian belakang. Orang yang berada di sebelah kanan memikul batang kayu di atas bahu kirinya, manakala orang yang berada di sebelah kiri memikul batang kayu di atas bahu kanannya. Ketika berjalan mengusung jenazah, pengusung bahagian hadapan bergerak terlebih dahulu diikuti oleh pengusung-pengusung bahagian belakang.

Jika pengusung tunggal yang berada di hadapan tidak berdaya menanggung beban usungan di bahagian hadapan sendirian, maka ditambah bilangan pengusung mengikut hajat keperluan untuk memikul dua batang kayu di bahagian hadapan. Bilangan pengusung tambahan yang dianjurkan adalah dengan menambah bilangan genap seperti dua orang supaya menjadikan jumlah keseluruhan mereka kekal dalam bilangan ganjil iaitu lima orang, tujuh orang, sembilan orang dan seterusnya. Jika bilangan pengusung ditambah dua orang menjadi lima orang, maka dua pengusung tambahan itu akan memikul batang kayu di bahagian hadapan. Cara memikul pula, seorang memikul kayu di sebelah kanan di atas bahu kirinya, manakala seorang lagi memikul kayu di sebelah kiri di atas bahu kanannya.

Menurut asy-Syaikh Zakariyya al-Anshari *Rahimahullah* dalam kitabnya Asna al-Mathalib, makruh hukumnya membawa atau mengusung jenazah hanya dua orang sahaja atau seorang diri, malah perkara ini menyalahi sunnah, melainkan jika jenazah itu kanak-kanak yang pada adat kebiasaannya dibawa atau diangkat dengan tangan sahaja.

Disunatkan membaca basmalah ketika meletakkan jenazah di atas usungan. Adapun kedudukan jenazah apabila diusung, menurut Sayyid 'Umar al-Bashriyy *Rahimahullah*, yang difahami daripada kata-kata Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* ialah disunatkan ketika mengusung jenazah agar bahagian kepala jenazah diletakkan di bahagian hadapan usungan mengikut arah perjalanan yang dituju, sama ada perjalanan tersebut menuju ke arah kiblat atau tidak.

Bagi jenazah perempuan, disunatkan untuk menyediakan sesuatu yang melindunginya supaya terpelihara kehormatannya seperti ditutup dengan kain, atau khemah atau kubah kayu atau selain kayu yang berbentuk bumbung melengkung.

Imam an-Nawawi *Rahimahullah* dalam kitabnya Raudhah ath-Thalibin menyatakan bahawa jika mengusung jenazah memerlukan bayaran atau upah, maka ia diambil daripada harta peninggalan si mati.

Jika keadaan tidak mengizinkan seseorang untuk turut serta mengusung jenazah disebabkan bilangan orang yang mengusung jenazah sudah mencukupi, malah jika dilakukan boleh menyebabkan mudarat kepada jenazah yang diusung, atau kepada pengusung sendiri atau kepada orang lain seperti boleh menyebabkan seseorang terjatuh, maka dalam keadaan ini menghindarinya adalah lebih utama. Ini bertepatan dengan kaedah fiqh :

Ertinya : *Menolak kerosakan lebih didahulukan daripada mendatangkan kemashlahatan.*

Sungguhpun begitu, bagi mereka yang tidak berpeluang untuk turut serta mengusung jenazah, mereka masih berpeluang untuk menunaikan hak saudaranya, iaitu dengan melaksanakan tuntutan sunat mengiringi jenazah sehingga ke tanah perkuburan dan sehingga selesai pengebumiannya.

Mengiringi jenazah hingga ke tanah perkuburan hukumnya adalah sunat *mu'akkadah* (sangat dituntut) bagi golongan lelaki berdasarkan hadits daripada al-Bara' bin 'Azib *Radhiallahu 'anhu*, bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah memerintahkan untuk melakukan tujuh perkara, dan salah satunya ialah mengiringi jenazah sebagaimana kata beliau :

Maksudnya : *Baginda (Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam) memerintahkan kami untuk mengiringi jenazah, menziarahi orang sakit, memenuhi (undangan) orang yang mengundang, membantu orang yang dizalimi, melaksanakan sumpah, menjawab salam dan mendoakan orang yang bersin.*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Fadhilat mengiringi jenazah itu sangat besar ganjarannya. Dalam hadits daripada Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda* :

Maksudnya : *Sesiapa yang mengiringi jenazah seorang Islam dengan penuh keimanan serta mengharapkan (pahala daripada Allah Subhanahu wa Ta'ala), dan dia bersama jenazah sehingga jenazah itu disembahyangkan dan selesai pengebumiannya, maka dia pulang dengan membawa pahala sebanyak dua qirath; setiap qirath menyamai bukit Uhud, dan sesiapa yang menyembahyangkannya kemudian pulang sebelum jenazah dikebumikan, maka dia pulang dengan satu qirath.*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Sebagai kesimpulan, mengusung jenazah adalah suatu tuntutan syara' iaitu fardhu kifayah dan hendaklah dilakukan dengan cara yang betul sebagaimana yang dijelaskan di atas. Maka menghulurkan tangan untuk menanai usungan, atau dengan menyentuh usungan tidak dinamakan sebagai mengusung jenazah sebagaimana yang dituntut oleh syara'.



Situasi terkini mengenai demam campak di NBD

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 November. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai situasi terkini demam campak (*measles*) di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dalam tempoh 12 hingga 22 November 2026, sebanyak lapan kes demam campak telah disahkan melalui Ujian Serologi yang dijalankan oleh Makmal Rujukan Kebangsaan Kementerian Kesihatan.

Enam daripada kes tersebut adalah warganegara Brunei dan dua adalah warganegara asing (Republik Rakyat Bangladesh). Tiga daripada kes tersebut ialah anak damit yang belum mencapai usia 12 bulan dan belum layak menerima vaksin MMR, manakala lima kes lagi ialah orang dewasa berumur 31 ke 52 tahun yang tidak mempunyai rekod imunisasi MMR.

Kesemua pesakit telah menjalani penilaian klinikal. Sampel daripada pesakit-pesakit tersebut turut dihantar ke makmal rujukan di luar negara bagi menjalani Ujian PCR bagi ujian lanjut.

Kementerian Kesihatan melalui Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit Brunei (The Brunei Centre for Disease Control and Prevention (Brunei CDC) sedang giat menjalankan siasatan terperinci untuk mengenal pasti punca jangkitan termasuk pengesanan kontak rapat dan tempat-tempat yang dikunjungi oleh pesakit.

Siasatan awal menunjukkan kemungkinan berkaitan dengan satu kes dari luar negara (*import case*). Kontak rapat telah dihubungi secara langsung dan diletakkan di bawah pemantauan kesihatan selama 21 hari.

Demam campak ialah jangkitan virus yang sangat mudah berjangkit dan merebak melalui udara yang mengandungi titisan cecair yang dijangkiti virus daripada mulut dan hidung semasa bercakap, batuk atau bersin. Virus ini boleh kekal di udara sehingga dua jam.

Gejala demam campak biasanya muncul dalam tempoh tujuh hingga 14 hari selepas terdedah kepada virus. Gejala termasuk demam panas, batuk, hidung berair, mata merah dan berair, tompok putih di dalam mulut dan ruam merah yang bermula di muka sebelum merebak ke seluruh badan.

Pesakit boleh menjangkiti orang lain bermula empat hari sebelum dan selepas ruam muncul.

Demam campak boleh menyebabkan komplikasi serius seperti radang paru-paru (pneumonia), keradangan otak (ensefalitis) dan kematian. Risiko komplikasi adalah lebih tinggi dalam kalangan anak damit, wanita hamil dan individu yang mempunyai sistem imun yang lemah.

Tiada rawatan antiviral khusus bagi demam campak, di mana rawatan yang diberikan bertujuan untuk melegakan gejala dan menangani komplikasi.

Vaksinasi merupakan perlindungan terbaik terhadap penyakit ini, yang diberikan di bawah Program Imunisasi Kebangsaan NBD bagi kanak-kanak pada usia 12 dan 18 bulan. Vaksin MMR (campak, beguk dan rubela) adalah selamat dan berkesan, di mana dua dos vaksin memberikan perlindungan sekitar 97 peratus terhadap demam campak.

NBD mencapai status eliminasi demam campak pada tahun 2015. Liputan vaksin MMR di negara ini adalah melebihi 97 peratus sepanjang lima tahun kebelakangan, yang memberikan imuniti kelompok yang tinggi. Berdasarkan penilaian risiko semasa, risiko jangkitan bagi yang telah menerima vaksinasi lengkap adalah rendah.

Walau bagaimanapun, bagi kanak-kanak ataupun individu yang berisiko tinggi yang belum menerima vaksinasi atau belum melengkapkan dos vaksinasi mempunyai risiko lebih tinggi untuk dijangkiti apabila terdedah kepada virus ini.

Sebagai langkah berjaga-jaga, ibu bapa dan penjaga diseru supaya memastikan anak-anak menerima vaksinasi lengkap mengikut jadual imunisasi serta membawa mereka ke janji temu vaksinasi. Status vaksinasi boleh disemak melalui kad kuning, Buku Kesihatan Kanak-kanak atau aplikasi BruHealth.

Ibu bapa dan penjaga boleh menghubungi pusat kesihatan terdekat untuk membuat perjanjian vaksinasi jika anak-anak mereka tertinggal pemberian dos vaksin.

Individu yang berisiko tinggi termasuk anak damit yang belum mencapai usia 12 bulan, wanita hamil dan individu yang mempunyai sistem imun yang lemah dinasihatkan supaya segera mendapatkan nasihat doktor sekiranya terdedah kepada pesakit yang telah disahkan menghidap demam campak walaupun belum mengalami sebarang gejala.

Orang ramai yang mengalami gejala dinasihatkan untuk tidak menghadiri sekolah, tempat kerja atau tempat awam kecuali untuk mendapatkan pemeriksaan dan rawatan.

Sebelum mengunjungi klinik atau hospital, sila hubungi pusat kesihatan terdekat atau Talian Nasihat Kesihatan 148 untuk mendapatkan panduan. Gunakan sungkup muka, amalkan kebersihan (termasuk mencuci tangan serta menutup mulut dan hidung semasa batuk atau bersin) serta maklumkan kepada petugas di kaunter pendaftaran mengenai gejala yang dialami serta sebarang sejarah perjalanan atau kontak dengan pesakit demam campak.

Orang ramai yang merancang untuk melakukan perjalanan ke luar negara dinasihatkan supaya mengambil langkah berjaga-jaga serta peka terhadap situasi penyakit berjangkit dan nasihat kesihatan di negara yang dikunjungi.

Sekiranya mengalami gejala semasa atau selepas perjalanan, dapatkan pemeriksaan perubatan dan maklumkan sejarah perjalanan kepada petugas kesihatan. Orang ramai juga diingatkan supaya sentiasa mengamalkan kebersihan diri, termasuk mencuci tangan serta menutup mulut dan hidung semasa batuk atau bersin.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi ini, memastikan perkhidmatan kesihatan bersiap siaga dan memaklumkan sebarang perkembangan dari semasa ke semasa.

Orang ramai adalah dinasihatkan untuk mendapatkan maklumat daripada sumber rasmi dan tidak menyebarkan maklumat yang belum disahkan. Maklumat lanjut dan perkembangan terkini boleh diperoleh melalui laman sesawang rasmi Kementerian Kesihatan di *www.moh.gov.bn* dan akaun Instagram *@mohbrunei*.

MASJID SENUSANTARA PERKUKUH JALINAN KERJASAMA, PERKONGSIAN ILMU

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Alishahrin Haji Mumin

TUTONG, Selasa, 24 November. - Dalam memperluaskan jaringan hubungan serta memperkukuh kerjasama antara masjid di dalam dan luar negara, Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Bahagian Imarah pagi tadi menganjurkan Program Talian Kasih : Masjid-Masjid Serantau yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT), di sini.

Ia bertujuan untuk mengeratkan hubungan antara masjid-masjid di Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Majlis berkenaan dilaksanakan secara dalam talian pada setiap bulan bersempena dengan Hari-hari Kebesaran Islam dan Hari Kebesaran Negara, dengan penglibatan daripada Ahli Jawatankuasa (AJK) Takmir, pegawai-pegawai masjid, Muslimah serta belia masjid.

Program tersebut merupakan kesinambungan daripada Muktamar Masjid-Masjid Serantau yang diadakan di Kuching, Sarawak, yang menekankan konsep Mosque Strategic and Smart Networking Centre.

Selain itu, ia menjadi wadah ilmiah dalam menjalinkan rangkaian persahabatan, perkongsian idea, ilmu pengetahuan dan program, di samping menyokong usaha mempromosi pelancongan Islam.

Hadir, Pemangku Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri.

Juga hadir, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Masjid, Jabatan Agama Islam Selangor Darul Ehsan, Malaysia, Awang Haji Hashim bin Muhamad.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan penerangan Pengajian Ilmu Tasawuf di Masjid-Masjid Negara Brunei Darussalam disampaikan oleh Ketua Bahagian Imarah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Fansuri Sharimi@Haji Mansur bin Mohamad Ali.

Diikuti dengan pengenalan MHBPT oleh Penasihat AJK Takmir MHBPT, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya.

Acara diteruskan dengan perkongsian aktiviti takmir disampaikan oleh wakil dari Masjid Al-Khairiyah Taman Seri Gombak, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Objektif utama program berkenaan adalah untuk mengukuhkan hubungan kerjasama antara masjid-masjid senusantara, membuka peluang kerjasama projek dan usaha masa depan, serta berkongsi maklumat dan ilmu secara berkala.

Semoga dengan terlaksananya program tersebut, hubungan jalinan silaturahim antara masjid-masjid di NBD dengan masjid-masjid serantau akan semakin erat, sekali gus menjadikan masjid sebagai pusat ibadah, pendidikan, kebudayaan dan pembangunan sahsiah umat Islam.





PEMANGKU Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Mohammad Sofian bin Haji Basri hadir pada Program Talian Kasih : Masjid-Masjid Serantau yang berlangsung di Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT) (atas). Manakala gambar bawah, antara yang hadir.



Pengurusan emosi dalam kalangan remaja

REMAJA merupakan golongan yang sedang melalui perubahan fizikal, pemikiran dan emosi. Mereka berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti tekanan pelajaran, masalah keluarga dan pengaruh media sosial. Namun, terdapat segelintir remaja yang terlalu mengikut perasaan sehingga masalah kecil dianggap sebagai tragedi besar. Ditegur sedikit, merajuk berhari-hari; tidak mendapat apa yang diinginkan, semua orang pula dipersalahkan. Persoalannya, bagaimana seseorang mahu menjadi matang jika emosinya sendiri masih mengawal setiap tindakannya?

Antara langkah penting dalam pengurusan emosi ialah belajar menerima teguran dan mengawal kemarahan. Malangnya, ada remaja yang menganggap nasihat ibu bapa sebagai gangguan, tetapi sanggup mempercayai kata-kata orang asing di internet. Apabila melakukan kesalahan, mereka pantas mencari alasan, sedangkan apabila orang lain tersilap, merekalah yang paling lantang menghukum. Sikap seperti ini perlu diubah kerana dunia sebenar tidak akan sentiasa memuji atau mengikut kehendak kita. Teguran bukan penghinaan, dan mengakui kesalahan bukan bererti kalah.

Selain daripada itu, pengaruh media sosial turut menjejaskan kestabilan emosi. Ada yang sanggup mengukur kebahagiaan melalui jumlah tanda suka, pengikut dan komen. Jika mendapat pujian, dunia terasa indah; jika dikritik, seolah-olah seluruh kehidupan sudah musnah. Bukankah ironinya apabila seseorang begitu sibuk membuktikan kebahagiaan kepada orang lain sehingga terlupa membina kebahagiaan untuk dirinya sendiri? Remaja perlu sedar bahawa kehidupan bukan pertandingan popularity dan nilai diri tidak bergantung pada perhatian orang ramai.

Di samping itu, remaja hendaklah belajar meluahkan perasaan secara sihat, melakukan aktiviti fizikal dan mendapatkan bantuan daripada ibu bapa, guru atau kaunselor apabila diperlukan. Memendam masalah bukan penyelesaian, manakala melepaskan kemarahan kepada orang lain bukan keberanian.

Kesimpulannya, pengurusan emosi memerlukan kesedaran, disiplin dan kematangan. Jangan terlalu sibuk menyalahkan dunia kerana tidak memahami perasaan kita, sedangkan kita sendiri enggan belajar memahami orang lain. Remaja yang berjaya bukanlah mereka yang tidak pernah marah atau kecewa, tetapi mereka yang mampu mengawal diri ketika diuji.

Nama : Ahmad Izzuddin bin Azis
No. K/P : 01-099XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :
1.**'Kepentingan Inovasi dan Kreativiti dalam Perniagaan'.** Tarikh Tutup **: 25 November 2026**
2.**'Gigi Sihat, Hidup Lebih Berkualiti'.** Tarikh Tutup **: 2 Disember 2026**
3.**'Pelancongan Tempatan, Kebanggaan Negara'.** Tarikh Tutup **: 15 Disember 2026**

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3.**Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : *pelita.brunei@information.gov.bn*

Menangi BND75 SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PELITA BRUNEI

TEROKA PELUANG KERJASAMA TIMBANG TARA, PENGANTARAAN





HAKIM Mahkamah Perantaraan, Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni, selaku Pengerusi BDAC semasa menerima kunjungan hormat daripada Naib Presiden dan Hakim Presiden Mahkamah Rakyat Agung Republik Rakyat China, Tuan Mao Zhunhao, bersama para delegasi ke pejabat BDAC (kiri dan atas).

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Darussalam Arbitration Centre

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 November. – Brunei Darussalam Arbitration Centre (BDAC) menerima kunjungan hormat daripada Naib Presiden dan Hakim Presiden Mahkamah Rakyat Agung Republik Rakyat China, Tuan Mao Zhunhao, bersama para delegasi ke pejabat BDAC pada hari ini.

Lawatan tersebut bermula dengan lawatan ke pejabat BDAC, diikuti dengan pertemuan bersama Hakim Mahkamah Perantaraan, Yang Arif Radin Safiee bin Radin Mas Basiuni, selaku Pengerusi BDAC bersama pengurusan BDAC.

Semasa pertemuan tersebut, Yang Arif Radin Safiee memperkenalkan BDAC sebagai satu-satunya institusi di Negara Brunei Darussalam (NBD) yang khusus untuk Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR).

Ditubuhkan pada 2014, BDAC menggalakkan penyelesaian pertikaian di luar prosiding mahkamah tradisional serta menyediakan sokongan institusi dan perkhidmatan dalam timbang tara dan pengantaraan kepada pengguna domestik dan antarabangsa.

Pengerusi BDAC turut mengiktiraf kerangka timbang tara dan pengantaraan Republik Rakyat China yang kukuh dalam penyelesaian pertikaian komersial antarabangsa, seterusnya menekankan kepentingan perkongsian pengetahuan dan pertukaran amalan terbaik antara institusi ADR dan badan kehakiman.

Perbincangan tertumpu kepada peluang kerjasama institusi antara kedua-dua buah negara, termasuk perkongsian pengetahuan, pembangunan kapasiti bagi penimbang tara dan pengantara tempatan, program latihan, seminar dan inisiatif pertukaran profesional, di samping menggalakkan kesedaran yang lebih meluas mengenai timbang tara dan pengantaraan antarabangsa.

Dengan latar hubungan perdagangan dan pelaburan yang semakin berkembang antara NBD dan Republik Rakyat China, mekanisme penyelesaian pertikaian yang berkesan, neutral dan berwibawa amat penting dalam memupuk keyakinan dalam kalangan syarikat dan pelabur.

BDAC mengalu-alukan syarikat dan pelabur dari Republik Rakyat China untuk mempertimbangkan BDAC sebagai forum penyelesaian pertikaian yang timbul daripada urus niaga komersial dan pelaburan mereka di NBD dan di rantau ini.

Lawatan ini mencerminkan hubungan yang semakin erat antara NBD dan Republik Rakyat China.

BDAC berharap untuk terus memperkukuh hubungan dengan Mahkamah Rakyat Agung dan meneroka peluang kerjasama yang berterusan dalam memajukan timbang tara dan pengantaraan bersama rakan institusi seimbang di Republik Rakyat China.

Pengiktirafan suntik semangat murid capai kecemerlangan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 November. – Seramai 143 murid Sekolah Ugama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menerima sijil dan penghargaan pada Majlis Penyampaian Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Darjah VI Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi serta Penganugerahan Hadiah kepada Murid-Murid Cemerlang Peperiksaan Akhir Tahun dan Peperiksaan Kelayakan Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama (SSSRU) Darjah VI Tahun 1448H/2026M yang diadakan pada petang tadi di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah YSHHB.

Daripada jumlah tersebut, seramai 92 murid menerima SSSRU Darjah VI Tahun 1447H/2025M, manakala 36 murid menerima hadiah atas pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2026. Sementara itu, 15 murid turut menerima hadiah atas pencapaian cemerlang dalam Peperiksaan Kelayakan SSSRU Darjah VI Tahun 1448H/2026M.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Ketua Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Azman bin Haji Jaya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat, diikuti dengan persembahan. Acara kemudiannya diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Guru Besar Sekolah Ugama YSHHB, Awang Azmerul bin Haji Haris, selaku Pengerusi Majlis.

KETUA Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Azman bin Haji Jaya selaku tetamu khas majlis ketika menyampaikan sijil dan hadiah kepada salah seorang penerima.

Acara disusuli dengan penyampaian sijil dan hadiah kepada para penerima yang disempurnakan oleh tetamu khas majlis.

Penganjuran majlis berkenaan merupakan salah satu usaha untuk mengiktiraf pencapaian dan kejayaan murid-murid, di samping menghargai sokongan ibu bapa serta komitmen para guru dalam membimbing mereka.



Pengiktirafan tersebut diharap dapat menjadi dorongan kepada murid-murid untuk terus berusaha mencapai kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

منوجو كريضاءن الله
MENUJU KEREDAAN ALLAH
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

Semangat kejiranan amalan mulia

SEMANGAT kejiranan merupakan amalan mulia yang penting dalam mewujudkan kehidupan bermasyarakat yang aman, harmoni dan sejahtera. Jiran bukan sekadar orang yang tinggal berdekatan, malah mereka adalah antara individu terdekat yang boleh membantu ketika kita menghadapi kesusahan atau kecemasan. Hubungan yang baik sesama jiran dapat melahirkan rasa saling percaya, menghormati dan mengambil berat.

Dalam kehidupan yang semakin sibuk, hubungan kejiranan kadangkala semakin renggang. Kesibukan bekerja, urusan keluarga dan penggunaan teknologi menyebabkan kita jarang bertegur sapa dengan jiran. Namun, perubahan zaman tidak seharusnya menyebabkan nilai kejiranan dilupakan. Perkara mudah seperti memberi salam, senyum dan bertanya khabar mampu menjadi langkah pertama untuk mengeratkan hubungan.

Islam sangat menitikberatkan hubungan baik sesama jiran. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah An Nisaa', ayat 36 yang terjemahan makna ayatnya :

"… Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh..."

Ayat ini menunjukkan bahawa kita dituntut untuk berbuat baik kepada jiran, sama ada jiran yang dekat mahupun jauh kerana sikap menghormati, membantu dan tidak menyakiti jiran dapat mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni.

Semangat kejiranan boleh dipupuk melalui pelbagai cara. Aktiviti gotong-royong, misalnya, bukan sahaja menjadikan kawasan tempat tinggal lebih bersih, tetapi juga memberi peluang kepada penduduk untuk berkenalan dan bekerjasama. Amalan kunjung-mengunjungi ketika kenduri, rumah terbuka dan perayaan juga dapat mengeratkan hubungan.

Selain itu, kita hendaklah prihatin terhadap keadaan jiran. Menziarahi jiran yang sakit, mengucapkan takziah ketika berlaku kematian dan membantu mereka yang menghadapi kesusahan merupakan amalan yang sangat bermakna. Pertolongan juga boleh diberikan melalui perkara sederhana seperti berkongsi makanan, membantu mengangkat barang atau menjaga rumah ketika ketiadaan jiran. Hubungan kejiranan yang erat turut membantu menjaga keselamatan kawasan. Apabila jiran saling mengenali dan mengambil berat, mereka lebih peka terhadap perkara-perkara kecemasan atau perkara yang mencurigakan yang berlaku di sekeliling.

Kesimpulannya, semangat kejiranan perlu terus dipelihara. Semangat kejiranan sebenarnya bermula daripada diri sendiri. Tidak perlu menunggu program atau majlis tertentu. Mulakan dengan perkara mudah seperti memberi salam, senyum, bertegur sapa, bertanya khabar dan menawarkan bantuan. Apabila masyarakat saling membantu dan mengambil berat, kehidupan akan menjadi lebih aman, harmoni dan bermakna.

PELAJAR JEPUN DIDEDAHKAN KEPADA SISTEM PENDIDIKAN MENENGAH NBD

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

MENTIRI, Isnin, 23 November. - Sekolah Menengah Pehin Datu Seri Maharaja (SMPDSM) hari ini menerima kunjungan daripada rombongan Kitatoshima College, Jepun, yang diketuai oleh Natsuki Yoshitome dan Sakura Handa.

Lawatan berkenaan turut disertai oleh 26 pelajar dari Kitatoshima College High School.

Terdahulu, ketibaan rombongan dialu-alukan oleh Pengetua SMPDSM, Mentiri, Awang Haji Malai Shah Eran bin Syed Haji Yussof Al-Idrus di Bilik Persidangan sekolah berkenaan.

Awang Haji Malai Shah Eran dalam ucapannya berkata, program Pertukaran Pelajar Jepun selama dua hari ke SMPDSM berkenaan bertujuan untuk mendedahkan para pelajar Jepun kepada sistem pendidikan serta rutin persekolahan di peringkat menengah di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Selain itu, program berkenaan juga bertujuan untuk memperkenalkan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB), adat resam dan cara hidup masyarakat di negara ini, di samping meningkatkan kemahiran berbahasa Inggeris, Melayu dan Jepun melalui interaksi serta pembelajaran bersama.

Program tersebut turut menjadi platform untuk memupuk sikap saling menghormati, toleransi dan mengeratkan hubungan persahabatan antara pelajar Jepun dengan pelajar NBD.

Di samping itu, para pelajar berpeluang memperoleh pengalaman baharu dan bermakna menerusi pelbagai aktiviti yang merangkumi pembelajaran di dalam kelas, kegiatan kokurikulum serta program *homestay*.

Rombongan turut diperkenalkan dengan makanan kuih tradisi, tarian asli dan permainan tradisi NBD.



SESI bergambar ramai bersama rombongan Kitatoshima College, Jepun, yang diketuai oleh Natsuki Yoshitome dan Sakura Handa.

Ketengahkan kreativiti, inovasi, penyelesaian masalah secara kolaboratif

Siaran Akhbar dan Foto : Bahagian Perhubungan Awam, Pusat Tingkatan Enam Sengkurong



KETUA Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metusin bin Haji Jais hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup berkenaan.

SENGKURONG, Isnin, 23 November. - Pusat Tingkatan Enam Sengkurong (PTES) baru-baru ini mengetengahkan kreativiti, inovasi serta penyelesaian masalah secara kolaboratif dalam kalangan para pelajar melalui Pameran Pembelajaran Berasaskan Projek STEAM Enam Bawah 2026, yang menampilkan sebanyak 30 buah projek diterajui pelajar bagi menangani cabaran dunia sebenar.

Diadakan pada Khamis, 19 November 2026 bersempena dengan Hari Terbuka pusat berkenaan, pameran tersebut menyediakan platform bagi para pelajar membentangkan prototaip dan hasil penyelidikan mereka kepada warga sekolah serta para jemputan. Acara tersebut kemudiannya melabuhkan tirai dengan pameran kedua serta majlis penyampaian hadiah yang berlangsung pada Sabtu, 21 November 2026.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis penutup berkenaan ialah Ketua Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metusin bin Haji Jais.

Turut hadir, Awang Md. Azali bin Haji Ahmad yang mewakili Penguasa 2, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Majlis tersebut dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Ketua EDL-STEAM, diikuti dengan ucaptama oleh tetamu kehormat serta tayangan video bertajuk 'PTES STEAM 2026 Journey' yang memaparkan pencapaian dan perkembangan para pelajar sepanjang program berkenaan berlangsung.

Pada majlis itu, anugerah turut disampaikan kepada Lima Projek STEAM Terbaik bagi kohort berkenaan. Tempat pertama disandang oleh Kumpulan Einstein yang dianggotai oleh Angelina Raquel Caseres, Rachel Chin Sim Yi, Dayang Hanani 'Arifah binti Haji Hamidun dan Dayang Zahra Imani menerusi projek mereka bertajuk 'Oil Cycle'.

Keunikan utama Program Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kesenian dan Matematik (STEAM) di PTES adalah pengintegrasian 21 mata pelajaran akademik merentasi lima kumpulan antara disiplin, iaitu Einstein (Sains, Matematik dan Teknologi), Malala (Bahasa dan Pengajian Islam), Mandela (Kemanusiaan), Krugman (Keusahawanan) serta NanoTech (Sains).

Rangka kerja merentas disiplin ini menggalakkan para pelajar meneliti isu-isu kompleks dari pelbagai sudut dengan menggabungkan kemahiran analitikal, kreatif dan keusahawanan melangkaui batas bilik darjah tradisional.

Selain meraikan pencapaian akademik, inisiatif Pembelajaran Berasaskan Projek STEAM ini mencerminkan visi dan misi PTES iaitu 'Memupuk Pemimpin Berdaya Tahan dan Warga Bersedia Masa Depan' (Nurturing Resilient Leaders and Future-Ready Citizens).

Dengan menghubungkan pengetahuan teori dan aplikasi praktikal, program ini melengkapkan pelajar tingkatan enam dengan kemahiran berfikir secara kritis serta kebolehsuaian yang selaras dengan Wawasan Brunei 2035, khususnya ke arah melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.

Menerusi inisiatif utama seperti Pameran STEAM ini, PTES terus komited dalam memperkasakan para pelajar untuk meneroka idea-idea bernas, bekerjasama merentas disiplin, serta berkembang menjadi pelajar sepanjang hayat yang berkeyakinan tinggi.

Sekolah Alif Rimba rai kecemerlangan murid dalam Haflah Takrim

Oleh : Hezlinawati Haji Abdul Karim
Foto : Ihsan Sekolah Alif Sdn. Bhd., Cawangan Rimba

MATA-MATA, Isnin, 23 November. - Seramai 123 murid pra yang menamatkan peringkat tadika dan 15 murid Tahun 6 Sekolah Alif Sdn. Bhd., Cawangan Rimba baru-baru ini diraikan dalam satu majlis yang berlangsung di salah sebuah hotel di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Haflah Takrim Sekolah Alif, Rimba ialah Pemangku Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Profesor Dr. Dayang Siti Sara bin Awang Haji Ahmad.

Guru Besar Sekolah Rendah Alif, Rimba, Dayang Nuratikah Hani binti Haji Tarip dalam ucapan alu-aluannya antara lain mengongsikan pencapaian cemerlang murid-murid sekolah berkenaan dalam peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) pada tahun ini iaitu 100 peratus lulus keseluruhan dan ia merupakan pencapaian yang disandang selama tiga tahun berturut-turut.

Daripada peratus tersebut, katanya lagi, 60 peratus murid mendapat Gred A hingga B dan 93 peratus lagi mendapat Gred A hingga C.

Dayang Nuratikah Hani menjelaskan pencapaian tersebut merupakan hasil usaha gigih murid, dedikasi guru serta sokongan berterusan ibu bapa.

Pada majlis itu, penyampaian sijil-sijil disempurnakan bersama oleh tetamu kehormat dan Guru Besar Sekolah Alif, Rimba.

Juga disampaikan, hadiah murid-murid cemerlang (Tadika & Rendah), hadiah Tarbiyyah Terbaik (Tadika & Rendah), hadiah pelajar lulus Peperiksaan Pemilihan Calon Ke Sekolah Arab (PCKA), hadiah pelajar PSR dan hadiah penghargaan Guru-guru PSR.

Sekolah Alif Sdn. Bhd. ditubuhkan dengan misi 'Pendidikan holistik bagi melahirkan Generasi Robbani' manakala visinya pula ialah 'Generasi Robbani memakmurkan Negara Brunei Darussalam'.



PEMANGKU Rektor UNISSA, Profesor Dr. Dayang Siti Sara bin Awang Haji Ahmad hadir selaku tetamu kehormat serta menyempurnakan penyampaian sijil-sijil pada Majlis Haflah Takrim Sekolah Alif, Rimba.

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tajuk Tawaran:
Flight Calibration for Air Navigation Facilities (Year 2027)
ATELS / 2026 / LTK-04

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Tawaran:
16 November 2026,
Isnin

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:
30 November 2026,
Isnin

Tarikh Tutup Tawaran:
1 Disember 2026,
Selasa

Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation, And Configuration Of A High-Availability Redundant Master Clock Core Server Upgrade At Terminal Building Brunei International Airport
TERMINAL / 2026 – 2027 / SH-11

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Rabu, 25 November 2026

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
Selasa, 8 Disember 2026

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu, 9 Disember 2026
(Tidak lewat jam 2.00 petang)

Tajuk Tawaran:
The Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of FIDS Display Monitors At Brunei International Airport For Department Of Civil Aviation
TERMINAL / 2026 – 2027 / SH-02 (R)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
18 November 2026, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
1 Disember 2026, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga:
2 Disember 2026, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 petang)

JABATAN MAJLIS-MAJLIS MESYUARAT JABATAN PERDANA MENTERI

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Secara Terbuka

Bilangan Tawaran:
JMM / JKSH / 2026 / 09

Tajuk Tawaran:
Provision Of Pest Control Services For The Department Of Councils Of State, Brunei Darussalam For A Period Of (12 Months).

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:
7 Disember 2026

Tarikh Tutup:
Selasa,
8 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Dibukakan Kepada Kontraktor Kelas IV & V Dan Kategori B01

BIL.: KHEU / BDP / LTK / 004 / 2026
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Ma'had Islam Brunei, Daerah Tutong & Sekolah Arab Belait, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: KHEU / BDP / LTK / 005 / 2026
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STA HB) And Sekolah Arab Raja Isteri Pengiran Anak Damit (SA RIPAD), Negara Brunei Darussalam

BIL.: KHEU / BDP / LTK / 006 / 2026
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kg. Rimba, Negara Brunei Darussalam

BIL.: KHEU / BDP / LTK / 007 / 2026
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Of Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kg. Katok, Negara Brunei Darussalam.

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka Tawaran:
25 November 2026
dan 2 Disember 2026

Tarikh dan Jam Tutup

Mengambil Dokumen Tawaran:
8 Disember 2026 (2.00 Petang)

Tarikh Tutup Tawaran:
15 Disember 2026 (2.00 Petang)

JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Bilangan:
23 / 2026 - 2027
Supply And Delivery Of RICOH SCANSNAP iX2500 For 17 Units

Tarikh Tutup:
1 Disember 2026,
Selasa
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KESIHATAN

1. Bilangan Tawaran:
KK / 267 / 2026 / ESTETRIPASH

Keterangan:
Supply And Replacement Of Precision Air-Conditioning Unit For IT Section At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND10.00

2. Bilangan Tawaran:
KK / 268 / 2026 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Mycobacteriology EQA Programs For National Mycobacteria Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND10.00

3. Bilangan Tawaran:
KK / 269 / 2026 / UPP(TC)

Keterangan:
The Management And Operation Of Car Park For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

4. Bilangan Tawaran:
KK / 270 / 2026 / JPK(TC)

Keterangan:
The Provision Of Security Services For Pengiran Anak Puteri Hajah Mutawakillah Hayatul Bolkiah Gadong Health Centre, Department Of Health Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

5. Bilangan Tawaran:
KK / 271 / 2026 / HTD (TC)

Keterangan:
The Provision Of Maintenance Services For ALCON Equipment For Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Tawaran:
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang
8 Disember 2026

1. Bilangan Tawaran:
KK / 260 / 2026 / ESTETMOH (TC)

Keterangan:
Three (3) Years Term Contract Of Comprehensive Maintenance And Repair Of Generator Set In Hospital Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Temburong

Yuran Tawaran:
BND 10.00

2. Bilangan Tawaran:
KK / 262 / 2026 / ESTETMOH

Keterangan:
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Pejabat Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Tingkat 1, Blok Lama, MOH HQ, Kementerian Kesihatan

Yuran Tawaran:
BND30.00

3. Bilangan Tawaran:
KK / 263 / 2026 / ESTETMOH(TC)

Keterangan:
The Maintenance Of Grass Cutting And Landscaping Works For The Ministry Of Health Compound, Jalan Menteri Besar For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

4. Bilangan Tawaran:
KK / 264 / 2026 / UPP(TC)

Keterangan:
To Supply And Delivery Of Medical Consumables For Haematology Unit, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND500.00

5. Bilangan Tawaran:
KK / 265 / 2026 / ESTETRIPASH

Keterangan:
Air Circuit Breaker Replacement Works At Various Location At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND50.00

6. Bilangan Tawaran:
KK / 266 / 2026 / HTD

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning Of Patient Warming Unit For Operating Theatre, RIPASH Hospital

Yuran Tawaran:
BND30.00

Tarikh Tutup Tawaran:
1 Disember 2026
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN PERTAHANAN

Rujukan Tawaran:
MINDEF / DFA / FY2026 / NAU / NV / TA / 1001
Pembelian Alat Selam Close Circuit Underwater Breathing Apparatus (CCUBA) Bagi Kegunaan Tentera Laut Diraja Brunei

Yuran Tawaran:
BND 100.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu (1) minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Selasa, 8 Disember 2026**

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 15 Disember 2026
2.00 petang

UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Pemohon-Pemohon terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam adalah dipelawa untuk memohon jawatan berikut:

Jawatan:
Penolong Pensyarah
(Bergaji Hari)

Bahagian:
II

Kekosongan:
Satu (1)

Bidang :
Kejuruteraan Sistem Maklumat Dan Komunikasi

Fakulti:
Fakulti Teknologi Bersepadu

Menghadapkan Borang Permohonan

Pemohon-pemohon hendaklah melengkapkan permohonan melalui pautan ini:

https://forms.gle/4b8o4swR39ePxxUZA dan memuat naik salinan sijil-sijil, Curriculum Vitae (CV) yang terkini dan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang-borang permohonan hendaklah diisikan dengan lengkap
tidak lewat
7 Disember 2026

Iklan penuh bolehlah dilayari di laman sesawang *https://ubd.edu.bn/about/career-opportunities/*

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab Kementerian Pendidikan

1. DA / JKSH / 153 / 2026 / 2027 [AKS-NOV-2026]
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sayyidina Hasan
Tempoh Perkhidmatan:
Enam (6) Bulan

2. DA / JKSH / 154 / 2026 / 2027 [AKS-NOV-2026]
Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Ke Atas Bangunan Sekolah-Sekolah Dan Maktab-Maktab Kementerian Pendidikan Bagi Sekolah Menengah Sayyidina Husain
Tempoh Perkhidmatan:
Enam (6) Bulan

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu,
12 Disember 2026
(Jam 9.00 Pagi)

JABATAN KERJA RAYA KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
V Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
8 Disember 2026 (Selasa)

Tarikh Tutup :
22 Disember 2026 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran :
JKR / DBSKB / 035 / 2026

Nama Projek :
Pengaliran Air – Membina Stesen Pam Di Saluran Keluar (Outfalls), Jalan Maulana, Kuala Belait (Design And Build).

No. Projek:
DDS1215-013/ADBT-02

Yuran Tawaran :
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen : -

JABATAN MUZIUM-MUZIUM KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Sebut Harga:
36 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027) – R

Tajuk Sebut Harga:
Sebut Harga Bagi Projek Kerja-Kerja Membuat Pejabat Sementara Bilik Pentadbiran Muzium Alat Kebesaran Diraja Di Luar Ruang Zon E

Tarikh Tutup:
Khamis, 3 Disember 2026

Lanjutan Tarikh Iklan

Joint Publishing Project For Brunei Darussalam

MOE / LTK / 40 / 2026 / 2027 (JPK-SEPT-2026)
Joint-Publishing Project For Brunei Darussalam Primary English Textbook, English Workbook And English Teacher's Resource Package For Year 3

MOE / LTK / 41 / 2026 / 2027 (JPK-SEPT-2026)
Joint-Publishing Project For Brunei Darussalam Primary Mathematics Textbook, Mathematics Workbook And Mathematics Teacher's Resource Package For Year 3

MOE / LTK / 42 / 2026 / 2027 (JPK-SEPT-2026)
Joint-Publishing Project For Brunei Darussalam Primary Science Textbook, Science Workbook And Science Teacher's Resource Package For Year 3

Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:
BND35.00
[Bayaran Yuran Tawaran Sebanyak BND30.00 Dan E-Dokumen Sebanyak BND5.00 Tidak Dikembalikan]

Tarikh Terakhir Penerimaan Wang Bayaran Yuran Tawaran Dan Mengambil Dokumen Tawaran Pada:
Sabtu,
26 September 2026
Jam 9.45 Pagi

Tarikh Terakhir Menerima E-Mel Enquiries And Clarification Notice Daripada Penender:
Sabtu,
26 September 2026
Jam 3.00 Petang

E-Mel Dihadapkan Ke Jabatan Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Melalui Alamat E-Mel Berikut:
tendercdd@moe.gov.bn

Tarikh Tutup Dan Waktu:
Selasa,
1 Disember 2026
Tidak Lewat Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA

Dibukakan Kepada Kontraktor Kelas III & IV Dan Kategori B01

BIL.: KHEU / BDP / LTK / 008 / 2026
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Religious Schools In Tutong District And Belait District, Negara Brunei Darussalam

BIL.: KHEU / BDP / LTK / 009 / 2026
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Religious Schools In Zone III And Zone IIA Within Brunei Muara District, Negara Brunei Darussalam.

BIL.: KHEU / BDP / LTK / 0010 / 2026
Three (3) Years Term Contract For Comprehensive Maintenance Of Religious Schools In Zone I And IIB Within Brunei Muara District, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran:
BND30.00 (Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka Tawaran:
25 November 2026
dan
2 Disember 2026

Tarikh dan Jam Tutup Mengambil Dokumen Tawaran:
8 Disember 2026 (2.00 Petang)

Tarikh Tutup Tawaran:
15 Disember 2026 (2.00 Petang)

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga:
(143) INFO / PK / K / 7 (2026 - 2027)

Tajuk Sebut Harga:
Perkhidmatan Pembasmian Tikus Di Tempat, Kawasan, Sekitar Dan Sekeliling Bangunan Asal Secara Berkontrak Di Jabatan Penerangan

Yuran:
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis, 3 Disember 2026
Jam 8.00 Pagi

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

UNISSA / SB0042 / 2026 / 2027
Supply And Install New Air-Conditioning Units At Residential College Block B & E, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Gadong Campus

[Kelas: II & III]
[Kategori: M01 & E01]

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
2 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Syarat-Syarat Tawaran

UNISSA / SB0040 / 2026 / 2027
To Supply, Deliver And Warranty Of Twenty (20) Units SSD M.2 NVME 256GB For Digital Service Centre (DSC), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

UNISSA / SB0041 / 2026 / 2027
To Supply, Deliver And Warranty Of Network Attached Storage (NAS) For Digital Service Centre (DSC), Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
2 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Sebut Harga Bagi:

1. Supply And Delivery Of BFRD Vehicles Batteries (36 Months Contract)
RUJ: JBP / TSH / 16 / 2026 - 2027

2. Membekal Dan Menghantar Combi Tool / Power Unit / Duo Extension Hose
RUJ: JBP / TSH / 27 / 2026 - 2027

3. Supply And Delivery Of Portable Gas Detector
RUJ: JBP / TSH / 28 / 2026 - 2027

4. Membekal Dan Menghantar Baju T-Shirt Tactical Satrea
RUJ: JBP / TSH / 29 / 2026 - 2027

5. Membekal Dan Menghantar Peralatan Pertolongan Cemas
RUJ: JBP / TSH / 30 / 2026 - 2027

6. Supply And Delivery Of UAV Drone, Accessories And Associated Software For Fire Fighting Operational Use
RUJ: JBP / TSH / 31 / 2026 - 2027

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis, 3 Disember 2026
(1.50 Petang)

Yuran Tawaran:
BND5.00

JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN EKONOMI, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
JPH / 003 / SH2596 / 2026-2027
To Supply, Deliver And Install Air-Conditioning At The Brunei National Herbaroum Sungai Liang, Forestry Department, Ministry Of Economy, Trade And Industry

Syarat:
Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan di dalam Kelas I Ke Atas Dan Kategori M01 Sistem Hawa Dingin dan Pengedaran Udara.

Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):
BND10.00
Borang Sebut Harga: BND5.00
-Tidak Dikembalikan-

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis,
3 Disember 2026,
2.00 Petang

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Sebut Harga:
(139) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Penggantian Bateri Baharu Kenderaan BG 4979 Mitsubishi Pajero Sport (2013) – Diesel 4 Cyls (A) Jabatan Penerangan.

Bilangan Sebut Harga:
(140) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Servicing Dan Penyelenggaraan Alat Pemadam Api Jabatan Penerangan.

Bilangan Sebut Harga:
(141) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Pembelian Baharu Alat-Alat Pemadam Api
Jabatan Penerangan

Bilangan Sebut Harga:
(144) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bagi Kenderaan BG 9638 Nissan X-TRAIL Luxury (2005) A, TDBNRJAT30EYA…B – Petrol 4 Cylinder, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Bilangan Sebut Harga:
(145) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Bagi Kenderaan BG 1238 (KB) Mitsubishi Pajero GL (M) V34VHNDR 2003 Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis,

Bilangan Sebut Harga:
(142) INFO / PK / K / 7
(2026-2027)

Tajuk Sebut Harga:
Perkhidmatan Kontrak Satu (1) Tahun Bagi Memotong Rumput Serta Penjagaan Pokok Dan Tanaman Landskap Di Tempat, Kawasan, Sekitar Dan Sekeliling Bangunan-Bangunan Asal Serta Tambahan Jabatan Penerangan.

Yuran:
BND 5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026
Jam 8.00 Pagi

26 November 2026
Jam 8.00 Pagi

JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Sebut Harga / Tawaran Bagi Perbekalan Jabatan Tanah, Kementerian Pembangunan

Bilangan:
20 / 2026 - 2027
Supply And Delivery Of Lexmark CS921de/CX921de Toner Cartridge & Photoconductor

Tarikh Tutup:
24 November 2026, Selasa
Jam 2.00 Petang

JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran:
AUD / BPK / UTM / Q&T / 2026 – 2027 / 02
Pembelian 4 Unit Mesin Shredder Bagi Jabatan Audit, Bangunan Bahirah

Perkara:
Shredder Heavy Duty
Cut Type :- Cross-Cut / Micro-cut
Stamping Ability: Minimum 25-36 sheets of paper (80gm) one way
Fill out Barrel Solid: Minimum 30 Liters
Can shred: Credit Cards, staples, paper clips and CDs / DVDs
Auto start and stop / Reverse / overheat and overload protection / bin full sensor
Shredder speed: 2.5m
Silent operation at < 56db – 58db
Metal gear
Four roller wheels

Unit Diperlukan:
4 Units

Tarikh Tutup:
Selasa, 1 Disember 2026

JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI

Tawaran No. 01
Term Contract bagi Penyelenggaraan Sistem Penghawa Dingin di Bangunan ATSC dan Remote Site - DCA Building bagi Tempoh Enam (6) Bulan – FSOR
AME / 2026-2027 / SH-54
(Kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 02
Term Contract or One (01) Year of Maintenanc eof Existing Lightings and Electrical Accessories at Department of Civil Aviation Buildings, Brunei International Airport - FSOR
AME / 2026-2027 / SH-55
(Kelas II atau ke atas)

Tawaran No. 03
To Repair Water Pump and Turret Components at Riv Fire Truck BG 7927 (Riv.2), Department of Civil Aviation.
AME / 2026-2027 / SH-56

Tawaran No. 04
To Repair Air Brake System Components at Water Tender Truck BG 6369 (F7), Department of Civil Aviation.
AME / 2026-2027 / SH-57

Tawaran No. 05
Kerja-Kerja Pemotongan Rumput, Pemangkasan Pokok dan Pembersihan Longkang di Bawah Kawalan Jabatan Penerbangan Awam bagi Tempoh 24 Bulan
AME / 2026-2028 / SH-60
(Kelas II atau ke atas)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
18 November 2026, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:
1 Disember 2026, Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Sebut Harga:
2 Disember 2026, Rabu.

JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
VI Sahaja

Kategori:
KA01 & M03

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 Disember 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 032 / 2026

Nama Projek:
Menaiktaraf Loji Rawatan Air Dan Penyambungan Air Utama Bagi Ke Semua Daerah - Loji Rawatan Air Seria Dan Stesen Pengambilan Air Mentah Badas Peringkat 4, Daerah Belait.

No. Projek:
DWS1219-007 / ADBT-02

Yuran Tawaran:
BND1,000.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
III & IV Sahaja

Kategori:
M03 Sahaja

Tarikh Tutup:
Selasa,
15 Disember 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 033 / 2026

Nama Projek:
Membekal Empat (4) Unit 'Water Tanker' Untuk Jabatan Perkhidmatan Air, Jabatan Kerja Raya

Yuran Tawaran:
BND100.00
(Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
-

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer

DA / JKSH / 147 / 2026 / 2027 [UPP-NOV-2026]
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Toner / Cartridge Printer Bagi Kegunaan Di Bawah Kawalan Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 5 Disember 2026
Jam 9.00 Pagi

Sebut Harga Membekal Dan Menghantar Kertas

DA / JKSH / 148 / 2026 / 2027 [UPP-NOV-2026]
Sebut Harga Bagi Membekal Dan Menghantar Kertas Bagi Kegunaan Unit / Bahagian Di Bawah Kawalan Jabatan Pentadbiran Dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan.

Bayaran Yuran Sebut Harga:
BND5.00

Tarikh Tutup / Waktu:
Sabtu, 5 Disember 2026
Jam 9.00 Pagi

JABATAN PENERANGAN
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
(137) INFO / PK / K / 7 (2026-2027)
Supply Of Made-To-Measure Men's Lounge Suits And Women's Blazers For The Information Department

Yuran:
Dikenakan Bayaran BND5.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Khamis,
26 November 2026
Jam 8.00 Pagi

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

Unit Teknologi Maklumat, Divisyen Pengurusan Korporat dan Sumber Manusia Kementerian Pembangunan

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
KPN / IT / 002 / 02.7 / 2026 / Q22
Invitation For Supply And Subscribe To Lovable Pro Plan For 1 Year

Bayaran Bagi Setiap E-Dokumen Sebut Harga:
BND9.00
(Tidak Dikembalikan)

Tarikh Buka:
Sabtu,
14 November 2026

Tarikh Akhir Pembelian dan Pembayaran:
Khamis,
3 Disember 2026

Tarikh Tutup:
Isnin,
7 Disember 2026
Jam: Sebelum 9.00 Pagi

Kenyataan Tawaran

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(132) INFO / PK / K / 7 (2026 - 2027)
Kerja – Kerja Penyelenggaraan Bagi Kenderaan Toyota Land Cruiser Prado LJ95R-GKMNS, BG 8967 (TT)
Jabatan Penerangan.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(133) INFO / PK / K / 7 (2026 - 2027)
Kerja – Kerja Penyelenggaraan Bagi Kenderaan Mitsubishi Pajero Sport, BG 4980,
Jabatan Penerangan.

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:
(134) INFO / PK / K / 7 (2026 -2027)
Kerja – Kerja Penyelenggaraan Bagi Kenderaan Mitsubishi Pajero Sport, BG 4981,
Jabatan Penerangan.

Yuran:
Tidak Dikenakan Bayaran

Tarikh Tutup:
Khamis, 26 November 2026
Jam 8.00 Pagi

JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
39 / JMM / S / 12 / 91 (2026/2027)
Mechanical And Electrical Term Contract Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months At Muzium Teknologi Melayu Kota Batu & Muzium Maritim Kota Batu

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
38 / JMM / S / 12 / 91 (2026/2027)
Mechanical And Electrical Term Contract Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months At Hab Tenaga Brunei Dermaga Diraja, Bandar Seri Begawan & Arkib Negara Brunei Darussalam, Jalan Dewan Majlis

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

Kenyataan Sebut Harga

Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:
42 / JMM / S / 12 / 91 (2026 / 2027)
General Building Term Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months For Museum Royal Regalia Building, Bandar Seri Begawan

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Khamis, 3 Disember 2026
Jam 2.00 Petang

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Bilangan Tawaran:
KKBS / PBS / B / 8.8 / 5 Pt.12

Tajuk Tawaran:
Tempahan Kain Dan Pemotongan Set Blazer Dan Baju Bagi Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara Dan Jepun 2026

Tarikh Tutup:
3 Disember 2026

PELITA BRUNEI

MENINGKATKAN KESIAPSIAGAAN, DAYA TAHAN PERNIAGAAN TERHADAP ANCAMAN SIBER

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



FORUM berkenaan memfokuskan cabaran keselamatan siber, perlindungan data serta kepentingan memperkukuh daya tahan organisasi dalam menghadapi ancaman digital yang semakin kompleks.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 November. - Dalam usaha memperkukuh kesedaran terhadap ancaman keselamatan siber yang semakin berkembang, Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. (Takaful Brunei) menganjurkan Forum Keselamatan Siber di Dewan Al Wahdah, Aras 3, Dar Takaful IBB Utama, hari ini.

Forum berkenaan menghimpunkan pakar industri tempatan dan serantau bagi membincangkan cabaran keselamatan siber, perlindungan data serta kepentingan memperkukuh daya tahan organisasi dalam menghadapi ancaman digital yang semakin kompleks.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti ucapan alu-aluan oleh Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif Takaful Brunei, Awang Haji Shahrildin bin Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Jaya.

Kemudian diteruskan dengan ucapan pembukaan disampaikan oleh Pengurus Pejabat Perlindungan Data dan Kumpulan Antarabangsa, Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI), Dayang Rawaida Aryssa binti Rakawi.

Antara pengisian utama forum ialah siri pembentangan, perbincangan panel dan bengkel yang menyentuh ancaman siber serantau, Perintah Perlindungan Data Peribadi (PDPO) 2025, peranan perlindungan insurans siber dalam menguruskan risiko kewangan dan operasi, serta peningkatan pengaruh Kecerdasan Buatan (AI) terhadap keselamatan siber.

Perbincangan panel bertajuk 'The PDPO Reality Check : Securing Brunei Together' menampilkan Ketua Risiko Khusus dan Retakaful, Bahagian TBA, Pengiran Muhammad Adl-Azim bin Pengiran Haji Bahar; Naib Presiden II, Persatuan Keselamatan Siber Brunei, Awang Muhammad Azizul Amir bin POKPAPDPS Haji Hasrin serta wakil serantau dari Beazley dan Deloitte Singapore.

Perbincangan tersebut memberi tumpuan kepada keperluan pematuhan perlindungan data serta kepentingan kerjasama dalam memperkukuh ekosistem keselamatan siber negara.

Forum turut menampilkan bengkel bertajuk 'When It Happens : Building Your First-Hour Response Plan' yang dikendalikan oleh Ketua Pegawai Operasi Cyber Security Brunei, Awang Haji Mas Zuraime bin Haji Abdul Hamid. Bengkel berkenaan memberikan penekanan kepada perancangan tindak balas insiden serta persediaan organisasi apabila berhadapan dengan insiden siber.

Antara penceramah serantau yang turut menyumbangkan kepakaran ialah Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan CyberSafe Singapore, Dave Gurbani; Pengurus Serantau Risiko Siber Asia Pasifik, Beazley Pte. Ltd. Singapore, Teck Siong Ng; Pengarah Deloitte Singapore, Ric Chen serta Ketua Siber APAC, Gallagher Re, Carlos Grijalva.

Dave Gurbani menyampaikan pembentangan bertajuk 'Asia Under Attack : What This Means for Brunei Businesses' yang mengetengahkan ancaman siber yang semakin meningkat di rantau ini serta implikasinya terhadap perniagaan di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Sementara itu, Teck Siong Ng membentangkan tajuk 'A Claims Journey : What Your Cyber Coverage Does After an Attack', dengan memberikan penjelasan mengenai skop dan batasan perlindungan siber serta proses tuntutan selepas berlakunya insiden siber.

Carlos Grijalva pula membincangkan perubahan risiko berkaitan AI menerusi pembentangan bertajuk 'How AI is Changing Cyber Risk : What Every Business Needs to Know and Do'.

Para penceramah serantau turut menyertai perbincangan panel bertajuk 'Lessons from Singapore, Action for Brunei' bersama Ric Chen, dengan berkongsi pengalaman dan langkah praktikal yang boleh diterapkan oleh syarikat-syarikat di negara ini bagi meningkatkan kesiapsiagaan keselamatan siber.

Dalam pada itu, forum berkenaan turut menyaksikan tayangan video korporat Takaful Brunei Am Sdn. Bhd. (TBA) mengenai perlindungan siber yang mengetengahkan kepentingan perlindungan Takaful sebagai sebahagian daripada strategi pengurusan risiko siber sesebuah organisasi.

Sejajar dengan landskap keselamatan siber yang terus berubah, TBA menawarkan produk Cyber Security Takaful yang direka bagi menyediakan perlindungan kewangan kepada perniagaan terhadap risiko dan insiden siber yang dilindungi, tertakluk kepada terma dan syarat yang berkenaan.

Perlindungan berkenaan melengkapi langkah keselamatan siber sedia ada dan membantu organisasi menguruskan potensi kesan kewangan akibat insiden siber.

Forum diakhiri dengan perbincangan panel bertajuk 'Cyber-Ready Together : Brunei's Next Chapter' yang menampilkan Ketua Pegawai Operasi Takaful Brunei, Awang Barudin bin Haji Kudil dan Pengarah Urusan Gallagher Re, Faris Salim Davidson.

Perbincangan tersebut meneroka hala tuju serta langkah seterusnya dalam memperkukuh daya tahan keselamatan siber di NBD.

Melalui inisiatif berkenaan, Takaful Brunei meneruskan komitmennya dalam meningkatkan kesedaran keselamatan siber, menggalakkan perkongsian ilmu di peringkat serantau serta memperkukuh kerjasama dalam kalangan pihak industri bagi membantu perniagaan meningkatkan kesiapsiagaan dan daya tahan terhadap ancaman siber yang sentiasa berkembang.

30 pain darah berjaya dikumpulkan



KEMPEN Derma Darah anjuran The Lions Club Bandar Seri Begawan dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS telah berjaya mengumpul sebanyak 30 pain darah (atas dan bawah).

Oleh : Siti Rokiah Abdullah
Foto : Ihsan The Lions Club Bandar Seri Begawan

SUNGAI HANCHING, Isnin, 23 November. - The Lions Club Bandar Seri Begawan telah berjaya mengumpul sebanyak 30 pain darah menerusi Kempen Derma Darah kali kedua yang dianjurkan oleh kelab tersebut bagi menyokong keperluan bekalan darah negara.

Kempen yang bertemakan 'Give Blood, Save Lives' itu berlangsung di aras bawah OneCity Shopping Centre, dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Kementerian Kesihatan.

Inisiatif tersebut diketuai oleh Setiausaha Kelab, Gurdarshan Singh Cheema, yang berjaya menghimpunkan ahli kelab, sukarelawan serta para penderma darah dalam usaha menyumbang kepada pengukuhan bekalan darah negara.

Turut hadir semasa kempen diadakan ialah delegasi yang diketuai oleh Gabenor Daerah Lions Clubs International District 308-A2 bagi penggal 2026-2027, Dato' Jimmy Tie Hien Hwa, bersama isteri, Datin PDG Betty Wong.

Kehadiran delegasi yang mewakili Negara Brunei Darussalam, Labuan, Sabah dan Sarawak itu mencerminkan semangat persaudaraan serantau serta komitmen bersama dalam mendukung khidmat kemasyarakatan.

Sebagai tanda penghargaan atas kemurahan hati para penderma, minuman ringan turut disediakan secara percuma kepada mereka yang menyertai kempen tersebut.

Kelab berkenaan juga akan terus memperkukuh kerjasama bersama Hospital RIPAS dalam menggalakkan budaya derma darah secara sukarela dan berterusan di seluruh negara, sekali gus membantu memenuhi keperluan bekalan darah bagi menyelamatkan nyawa.



DARI MAHKAMAH

Warganegara Malaysia didenda kerana memiliki segel kastam

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 November. - Majistret Abdul 'Azim bin Othman menjatuhkan hukuman denda atas satu pertuduhan, iaitu memiliki satu unit segel kastam di bawah peruntukan Peraturan 15, Peraturan Transit Kastam 2006 - Removal and Breaking of Seals.

Defendan Robert Linggi anak Unting, 35 tahun yang merupakan warganegara Malaysia telah mengaku bersalah pada 21 November 2026 dan dijatuhkan hukuman denda sebanyak BND800 atau tiga minggu pemenjaraan sekiranya gagal menjelaskan keseluruhan denda tersebut.

Defendan ditangkap pada 19 November 2026, pukul 7.30 malam bertempat di Bahagian Kenderaan Keluar, Pos Kawalan Kuala Lurah.

Semua segel kastam yang terlibat telah diperintahkan untuk dirampas dan diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan pemusnahan.

PERLAWANAN BOLA SEPAK SEKOLAH2 DAN MAKTAB2 SA-NEGERI BRUNEI

PERLAWANAN Bola Sepak antara Sekolah2 dan Maktab2 Sa-Negeri Brunei atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei: Perlawanan ini ada-lah satu daripada Projek tahunan Jabatan Pelajaran, Bahagian Pendidekan Jasmani.

Perlawanan2 yang telah di-jalankan baru2 ini ada-lah saperti berikut:—

1. PADA 7 NOVEMBER, 1966: Perlawanan Akhir Kumpulan "B", ia-itu murid sedang, antara Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei dengan Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria, bertempat di-Padang Maktab Anthony Abell, Seria. Keputusan-nya pasokan Maktab SOAS., menang dengan 3 gol berbalas 1.

Maka dengan keputusan perlawanan itu selesai-lah permainan KUMPULAN "B". Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei menjadi Johan Sa-Negeri Brunei bagi tahun 1966 dan yang menjadi Naib Johan pula ia-lah pasokan Maktab Anthony Abell, Seria.

Hadiah2 yang menjadi rebutan pada tiap2 tahun:

JOHAN: Piala E. W. Cousen, bekas Pegawai Kewangan Negara, Brunei, di-menangi oleh Pasokan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei.

NAIB JOHAN: Perisai Jawatan Kuasa Perkembalian Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dari Eropah, di-menangi oleh Pasokan Maktab Anthony Abell, Seria.

Hadiah2 rebutan dan hadiah2 kemenangan telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail kapada pasokan2 yang berjaya.

2. PADA 9 NOVEMBER, 1966: Perlawanan Akhir Kumpulan "C" ia-itu murid besar, bahagian Sekolah2 Rendah, antara Pasokan Sekolah Rendah Melayu Muhammad 'Alam Seria berlawan dengan pasokan Sekolah Rendah Melayu SMJA., bertempat di-padang Maktab Anthony Abell, keputusan-nya pasokan SMJA., menang dengan 8 gol berbalas 2.

Maka dengan keputusan perlawanan itu selesai-lah permainan KUMPULAN "C" Peringkat Rendah: Pasokan Sekolah Rendah Melayu SMJA., menjadi Johan Sa-Negeri Brunei bagi tahun 1966 dan yang menjadi Naib Johan pula ia-lah Pasokan Sekolah Rendah Melayu Muhammad 'Alam, Seria.

Hadiah2 yang menjadi rebutan pada tiap2 tahun:

JOHAN: Perisai Y.A.M. Pengiran Kerma Indera Haji Muhammad bin Pg. Piut, di-menangi oleh Pasokan Sekolah Rendah Melayu SMJA., Brunei.

NAIB JOHAN: Perisai Y. M. Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pg. Haji Abdul Rahim, di-menangi oleh Pasokan Sekolah Rendah Melayu Muhammad 'Alam, Seria.

DI-SUSUN OLEH:—
Md. Husain Zainal,
Pejabat Pelajaran,
Brunei.

Hadiah2 rebutan dan hadiah2 kemenangan telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Penolong Pegawai Daerah Belait, Awang Abdullah bin Haji Md. Ja'afar kapada pasokan yang berjaya.

Perlawanan Bola Sepak Peringkat Sekolah2 Menengah dan Maktab2 Negeri Brunei, ia-itu Bahagian murid besar (senior) atas anjoran Jabatan Pelajaran, Brunei:

Perlawanan di-bahagikan dua kumpulan ia-itu Kumpulan Brunei dan Temburong; Kumpulan Belait dan Tutong. Tiap2 kumpulan memileh pasokan yang handal untok bertemu degan kejohanan dari tiap2 Kumpulan.

KEPUTUSAN PERLAWANAN TIAP2 KUMPULAN

1. KUMPULAN BRUNEI DAN TEMBURONG:

Pasokan2 yang menyertai perlawanan ada-lah saperti berikut:—

(1) Maktab Perguruan Melayu, Brunei. (2) Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Brunei. (3) Sekolah Menengah Melayu Pertama, Brunei. (4) Sekolah St. Andrew's., Brunei. (5) Sekolah Menengah Melayu SMJA., Brunei. (6) Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan Bangar, Temburong.

M.P.M.B. MENANG 14 GOL TIDAK BERBALAS

(1) PADA 25 OKTOBER, 1966: Perlawanan antara Pasokan Maktab Perguruan Melayu, Brunei dengan pasokan Sekolah Menengah Melayu Sultan Hasan Bangar, bertempat di-Padang Bangar. Keputusan-nya dimenangi oleh Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei dengan 14 gol tidak berbalas .

(2) PADA 31 OKTOBER, 1966: Perlawanan antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu SMJA., dengan Pasokan St. Andrew's, bertempat di-padang Bandar Brunei. Keputusan-nya pasokan SMJA., menang dengan 4 gol berbalas 1.

(3) PADA 2 NOVEMBER, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama, Brunei dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu SMJA., bertempat di-padang Bandar Brunei. Keputusan-nya pasokan SMMP menang dengan 4 gol berbalas 2.

(4) PADA 5 NOVEMBER, 1966: Perlawanan Sa-tengah Akhir antara Pasokan Maktab SOAS., dengan Pasokan Maktab Perguruan Melayu Brunei, bertempat di-Padang Bandar Brunei, Keputusan-nya pasokan SOAS., menang dengan 2 gol tidak berbalas.

(5) PADA 10 NOVEMBER, 1966: Perlawanan Akhir antara Pasokan Maktab SOAS., dengan Pasokan Sekolah Menengah Melayu Pertama, bertempat di-padang Bandar Brunei, Keputusan-nya pasokan Maktab SOAS., menang dengan 4 gol berbalas 1.

Maka dengan keputusan perlawanan itu pasokan Maktab SOAS., menjadi Johan Bola Sepak kumpulan Brunei dan Temburong bagi tahun 1966 dan akan bertemu pula dengan Johan kumpulan Belait dan Tutong.

Gunakan-lah Bahasa Melayu

Kursus Pertanian Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Bebatek

KAMPONG BEBATEK. — Ranchangan Gerakan Kursus Pertanian bagi Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Bebatek ada-lah saperti berikut:

Hari Isnin 28 November: (a) 1.30 petang — Rombongan Pegawai2 Perkembangan Pertanian Brunei berangkat ka-Bebatek. (b) 4.00 — 6.00 petang — Pembukaan Kursus (Sharahan) di-mulakan.

Hari Selasa 29 November: (a) 7.30 pagi — 12.00 tengah hari — Rombongan Pegawai2 Perkembangan Pertanian melawat perkebunan dan ladang2. (b) 4.00 — 6.00 petang — Sharahan2 dan latehan2 Pertanian dalam Darjah.

Hari Rabu 30 November: (a) 7.30 pagi — 12.00 tengah hari — Rombongan Pegawai2 Perkembangan Pertanian melawat perkebunan dan ladang2. (b) 4.00 — 6.00 petang — Sharahan2 dan latehan2 Pertanian dalam Darjah.

Hari Khamis 1 Disember: (a) 7.30 pagi — 12.00 tengah hari — Rombongan Pegawai2 Perkembangan Pertanian melawat perkebunan dan ladang2. (b) 4.00 — 6.00 petang — Sharahan2 dan latehan2 Pertanian dalam Darjah.

Hari Juma'at 2 Disember: 4.00 — 6.00 petang — Sharahan dan latehan Pertanian dalam Darjah.

Hari Sabtu 3 Disember: 8.00 pagi — Rombongan Pegawai2 Perkembangan Pertanian berangkat balek ka-Bandar Brunei.

Hari Isnin 5 Disember: 8.00 pagi — Ahli2 Persatuan Peladang Kampong Bebatek berangkat ka-Pusat Pertanian Kilanas untok melawat sambil meninjau sa-chara langsong dalam segi Pertanian dan Perusahaan.

BENGKEL TINGKATKAN KESEDARAN KESELAMATAN PENUNGGANG MOTOSIKAL

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ihsan Persatuan Motorsikal Darussalam



BENGKEL berkenaan bertujuan membentuk penunggang motosikal yang lebih peka terhadap keadaan sekeliling, berupaya menjangka potensi bahaya serta bersedia mengambil tindakan awal bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

JERUDONG, Isnin, 23 November. - Seramai 55 orang Ahli Persatuan Motosikal Darussalam (PEMODA) baru-baru ini menyertai Defensive Riding Workshop yang diadakan di F1 SupaKart, Jerudong Park.

Bengkel berkenaan merupakan usaha sama PEMODA bersama Syarikat Memandu Redza sebagai salah satu usaha meningkatkan kesedaran dan kemahiran penunggang motosikal dalam aspek keselamatan jalan raya, di samping menyahut seruan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mengurangkan kadar kemalangan di negara ini.

Bengkel tersebut bertujuan membentuk penunggang motosikal yang lebih peka terhadap keadaan sekeliling, berupaya menjangka potensi bahaya serta bersedia mengambil tindakan awal bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini.

Melalui bengkel berkenaan, para peserta didedahkan kepada prinsip 5M, iaitu Melihat, Memikirkan, Menilai, Melaksanakan dan Mengawal, yang menjadi asas kepada amalan penunggangan secara defensif.

Pada akhir bengkel, para peserta diharap akan dapat menerangkan dan mengaplikasikan prinsip 5M tersebut dalam pelbagai situasi jalan raya, termasuk ketika melalui persimpangan, menghadapi perubahan keadaan jalan serta keadaan persekitaran yang berbeza.

Pendekatan berkenaan diharap dapat meningkatkan keupayaan penunggang untuk membuat keputusan yang tepat dan mengambil tindakan sewajarnya demi keselamatan diri serta pengguna jalan raya yang lain.



Kenali Bahasa Brunei

saparadian / saparadian bermaksud adik-beradik.
Contoh pemakaian kata : *bapa saparadian sama nininya.*

taabab / tahabap bermaksud jatuh atau rebah dengan bahagian muka menghadap ke tanah.
Contoh pemakaian kata : *kasian, abis garit muanya, bagasnya taabap di tamu antadi pagi.*

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Ak. Jefferi bin Pg. Durahman

Sikoi Laici

Kampung Senukoh, Temburong

BAHAN-BAHANNYA :
1/2 biji sikoi merah (saiz sederhana)
100g gula (ditanak jadi air gula)
1/2 tin laici
Ais secukupnya
Air secukupnya

CARA MEMBUATNYA :
Potong sikoi dan kisar bersama beberapa biji buah laici serta sedikit air laici hingga halus. Kemudian, tuangkan ke dalam jag yang telah berisi air gula yang sudah ditanak. Masukkan baki buah laici yang dicarik-carik, tambah ais dan sedikit air mengikut kepekatan yang diingini.



Minat sejak kecil jadi sumber rezeki : Selamatkan barangan elektronik daripada dibuang

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Ihsan Mohammad Hazwan Mohaimin

MINAT yang bermula sejak kanak-kanak dengan membuka dan mencabut permainan elektronik kini menjadi sumber pendapatan buat seorang warga tempatan, sekali gus menyumbang kepada usaha mengurangkan sisa elektronik di negara ini.

Awang Mohammad Hazwan bin Mohaimin, pemilik Wan Electronics, berkata minatnya terhadap bidang elektronik bermula apabila beliau gemar meneroka bagaimana barangan elektronik berfungsi dan bagaimana ia boleh dibaiki.

Beliau yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Fizik Gunaan (Applied Science) berkata, perniagaannya didaftarkan secara rasmi pada Oktober 2024 dan kini beroperasi dari rumah secara separuh masa.

"Sebelum menceburi bidang perniagaan ini, saya pernah bertugas sebagai Juruteknik Dron dan Juruterbang Jarak Jauh (Remote Pilot) di bawah program i-Ready di syarikat Innovaero," jelasnya.

Belajar melalui universiti dan platform digital

Menurut Awang Mohammad Hazwan, asas kemahiran elektronik diperoleh semasa pengajian di Universiti Brunei Darussalam (UBD) melalui kursus Elektronik Analog dan Digital.

Selain itu, beliau turut menjadikan platform YouTube, khususnya saluran Electronics Repair School, sebagai tanda aras untuk mempertingkatkan kemahiran membaiki komputer riba.

Bagi memperkukuh pengetahuan keusahawanan, beliau juga pernah menyertai Program Business Microbootcamp anjuran Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB).

Operasi dari rumah

Mengulas mengenai pengurusan operasi harian, beliau menjelaskan memandangkan perniagaan dibuat secara separuh masa, beliau melaksanakannya pada waktu malam dari Isnin hingga Khamis, manakala Jumaat hingga Ahad beroperasi dari pagi hingga petang.

Beliau menggunakan perisian Microsoft Excel dan Kecerdasan Buatan (AI) bagi menyusun jadual kerja, rekod pelanggan dan pengurusan perniagaan.

"Secara purata, saya menerima kira-kira 10 buah barangan elektronik dalam sebulan jika beroperasi secara separuh masa. Jumlah ini boleh meningkat sekiranya beroperasi sepenuh masa," katanya.

Antara barangan yang paling kerap diterima untuk dibaiki ialah papan induk (*motherboard*) komputer riba dan telefon pintar, manakala kerosakan paling biasa adalah berkaitan *motherboard* komputer riba dan bekalan kuasa (*power supply*) komputer.

Utamakan keselamatan

Dalam aspek keselamatan kerja, Awang Mohammad Hazwan menekankan kepentingan pengurusan ruang kerja yang sistematik.

"Selepas selesai kerja, saya akan memastikan *housekeeping* dilakukan, wayar tidak berselerak, plug elektrik ditutup, inventori diperiksa dan skru tidak hilang," ujarnya.

Menyokong amalan kitar semula

Beliau berpandangan perkhidmatan baik pulih memainkan peranan penting dalam menyokong usaha mengurangkan sisa elektronik (*e-waste*).

"Barang yang rosak ada yang mahal, tetapi terus dibuang begitu sahaja. Kenapa tidak hantar untuk dibaiki, supaya dapat digunakan semula," katanya.

Tambahnya, perkhidmatan baik pulih juga dapat membantu keluarga menjimatkan perbelanjaan kerana harga barangan elektronik seperti *motherboard* komputer riba, CPU dan telefon pintar semakin meningkat.

"Membeli yang baharu semakin sukar. Dengan membaiki, kosnya kadang-kadang tidak sampai harga membeli yang baharu," jelasnya.

Kesedaran masyarakat masih rendah

Mengulas mengenai kesedaran masyarakat, beliau berpendapat negara ini masih jauh ketinggalan dalam industri baik pulih elektronik.

"Pakar tidak banyak. Ada yang berminat tetapi tidak tahu garis panduan di mana hendak bermula," katanya.

Antara cabaran yang dihadapi sebagai peniaga dari rumah termasuk bekalan elektrik terputus semasa melakukan kerja-kerja elektronik dan komitmen keluarga yang perlu didahulukan.

Dari segi teknikal, beliau turut berhadapan dengan kekurangan peralatan, ketiadaan alat ganti dalam stok dan ketiadaan skema litar (*schematic*) bagi sesetengah papan litar di Internet.

Peranan media sosial

Bagi mempromosikan perkhidmatannya, Awang Mohammad Hazwan memanfaatkan media sosial sebagai platform pemasaran.

"Media sosial bagus, boleh dijadikan platform pemasaran. TikTok sendiri boleh buat siaran langsung membaiki (*live repair*), manakala Instagram boleh digunakan untuk memaparkan harga," katanya.

Beliau berharap peniaga kecil dalam bidang ini dapat diberikan lebih banyak peluang untuk mempelajari ilmu elektronik, pengurusan kewangan dan perniagaan bagi terus berkembang.

Harapan

Beliau berharap lebih ramai belia berani menceburi bidang baik pulih elektronik dan melihatnya sebagai kerjaya yang berpotensi, bukan sekadar hobi.

"Kepada masyarakat, jangan terus buang barang yang rosak. Hantar untuk diperiksa dahulu, mungkin ia masih boleh diselamatkan," pesannya mengakhiri temu bual.

PELITA BRUNEI

REPUBLIK PERANCIS AKAN WUJUDKAN SIMPANAN STOK MINERAL KRITIKAL

ISTANBUL, 24 Nov. - Republik Perancis merancang untuk mewujudkan simpanan strategik nadir bumi dan logam lain yang diberi keutamaan bagi mengurangkan kebergantungan industrinya kepada pembekal asing, khususnya Republik Rakyat China, menurut Pejabat Presiden Perancis, lapor Anadolu Ajansi (AA).

Presiden Emmanuel Macron mengumumkan rancangan itu semasa mesyuarat tertutup dengan wakil industri di Istana Elysee, lapor penyiar Perancis BFMTV pada Isnin.

Simpanan stok itu akan diwujudkan berdasarkan model simpanan minyak strategik dan disokong oleh sistem yang membolehkan syarikat membeli bahan berkenaan secara bersama.

Institusi kewangan awam Republik Perancis, Caisse des Depots, akan menyelia projek itu dan mengadakan rundingan dengan syarikat dalam sektor yang bergantung kepada bahan berkenaan, termasuk pertahanan dan aeroangkasa.

Paris menyasarkan simpanan strategik itu sedia untuk digunakan menjelang 2027.

Macron turut mengumumkan syarat yang lebih ketat bagi pemberian bantuan kerajaan kepada syarikat dalam sektor pertahanan, aeroangkasa dan automotif.

Untuk terus menerima bantuan kerajaan, syarikat dalam sektor berkenaan perlu mengemukakan rancangan yang menunjukkan bagaimana mereka berhasrat untuk mempelbagaikan sumber mineral strategik dan mengurangkan kebergantungan kepada Republik Rakyat China.

Pejabat Presiden memaklumkan bahawa Republik Perancis akan mengkaji mekanisme jaminan harga bagi memberikan lebih kepastian kepada pengeluar dan menggalakkan pelaburan.

Paris turut menggesa Suruhanjaya Eropah mengambil langkah serupa.

Rancangan Republik Perancis untuk mewujudkan simpanan stok itu merangkumi kira-kira 20 daripada 34 bahan mentah yang diklasifikasikan sebagai kritikal oleh Kesatuan Eropah (EU) pada 2023 bagi sektor termasuk tenaga bersih, teknologi digital, angkasa lepas dan pertahanan. - ©BERNAMA

Suhu malam lebih panas dikaitkan dengan daya ingatan lemah warga emas - Kajian

SYDNEY, 24 Nov. - Suhu malam yang lebih panas dikaitkan dengan daya ingatan yang lebih lemah dalam kalangan individu pertengahan usia dan warga emas, menurut satu kajian di Australia, lapor Xinhua.

Kajian yang diterajui Universiti Newcastle dan Institut Penyelidikan Perubatan QIMR Berghofer di Australia itu menganalisis data daripada 1,873 rakyat Australia berusia antara 42 hingga 75 tahun.

Kajian itu mendapati suhu malam yang lebih panas secara konsisten dikaitkan dengan prestasi lebih rendah dalam ujian ingatan asosiatif, menurut kenyataan yang dikeluarkan universiti berkenaan pada Selasa.

Ingatan asosiatif melibatkan proses mempelajari, menyimpan dan mengingat kembali perkaitan antara perkara yang tidak berkaitan, seperti mengingati lokasi kunci atau mengaitkan wajah seseorang dengan namanya.

Menurut penyelidik, ingatan asosiatif merupakan antara fungsi kognitif yang boleh mengalami kemerosotan pada peringkat awal penyakit Alzheimer, walaupun kelemahan ingatan asosiatif juga merupakan sebahagian daripada proses penuaan normal.

Anna Behler dari Universiti Newcastle, penulis utama kajian yang diterbitkan dalam jurnal Environment International, berkata kajian itu mengetengahkan perkaitan antara iklim, penuaan dan kesihatan otak, sekali gus menekankan keperluan untuk menjalankan penyelidikan lanjut mengenai bagaimana peningkatan suhu boleh menjejaskan kesihatan otak seiring dengan peningkatan usia.

Peserta menjalani 12 ujian kognitif dalam talian bagi menilai daya ingatan, bahasa, perhatian, penaakulan dan kemahiran menyelesaikan masalah.

Daripada 12 ujian itu, hanya ingatan asosiatif menunjukkan perkaitan signifikan dengan suhu pada waktu malam.

Penulis bersama kajian itu, Renate Thienel dari Universiti Newcastle, berkata gangguan tidur akibat haba mungkin menjadi antara penjelasan yang munasabah, memandangkan tidur memainkan peranan penting dalam pengukuhan ingatan.

Menurut penyelidik, kajian lanjut diperlukan bagi menentukan sama ada kesan itu bersifat sementara atau pendedahan berulang kepada suhu malam yang lebih panas boleh membawa kesan jangka panjang terhadap kesihatan otak dan berpotensi meningkatkan risiko demensia. - ©BERNAMA

Republik Rakyat China umum kru Shenzhou-24, termasuk angkasawan asing pertama ke Stesen Angkasa Tiangong

JIUQUAN (Republik Rakyat China), 24 Nov. - Republik Rakyat China pada Selasa mengumumkan tiga angkasawan yang akan menyertai misi penerbangan angkasa lepas berkru Shenzhou-24, termasuk seorang angkasawan Republik Islam Pakistan yang bakal menjadi angkasawan asing pertama mengunjungi stesen angkasa Tiangong, lapor Xinhua.

Menurut Agensi Angkasa Lepas Berkru China, kru misi itu terdiri daripada dua angkasawan Republik Rakyat China, Tang Hongbo dan Wu Yi, serta angkasawan Republik Islam Pakistan Muhammad Zeeshan Ali, dengan Tang bertindak sebagai komander.

Ketiga-tiga angkasawan itu masing-masing akan menjalankan tugas sebagai juruterbang kapal angkasa, jurutera penerbangan dan pakar muatan. Tang yang sebelum ini menyertai misi Shenzhou-12 dan Shenzhou-17 bakal mencipta sejarah sebagai angkasawan pertama mengunjungi Tiangong sebanyak tiga kali.

Wu pula merupakan angkasawan daripada kumpulan ketiga negara itu dan akan menjalani misi penerbangan angkasa lepas pertamanya, manakala Ali bakal menjadi angkasawan asing pertama menjejakkan kaki ke stesen angkasa berkenaan.

Sementara itu, jurucakap agensi berkenaan Zhang Jingbo pada sidang media memaklumkan kapal angkasa berkru Shenzhou-24 dijadual dilancarkan dari Pusat Pelancaran Satelit Jiuquan di barat laut Republik Rakyat China pada 8.18 pagi Rabu (waktu Beijing). - ©BERNAMA

Pelabuhan AS berdepan peningkatan cubaan serangan siber

ISTANBUL, 23 Nov. - Pelabuhan utama dan syarikat perkapalan di Amerika Syarikat (AS) berdepan peningkatan cubaan serangan siber, sekali gus mencetuskan kebimbangan terhadap kemungkinan gangguan kepada laluan perdagangan global dan bekalan tenaga, menurut laporan Financial Times pada Ahad yang dipetik Anadolu Ajansi.

Pelabuhan Corpus Christi di Texas, pelabuhan eksport minyak mentah terbesar AS yang mengendalikan kira-kira 2.3 juta tong sehari, dilaporkan berdepan ratusan malah ribuan cubaan serangan siber setiap hari.

Ketua Eksekutif pelabuhan itu, Kent Britton berkata penggodam cuba mengesan kelemahan dalam rangkaian komputer selain menyamar sebagai eksekutif kanan menerusi mesej penipuan bagi mendapatkan akses tanpa kebenaran.

Serangan itu merangkumi cubaan automatik meneka kata laluan hingga kepada usaha lebih canggih untuk mencuri atau memusnahkan data.

Pelabuhan Los Angeles pula melaporkan berjaya menyekat 120 juta cubaan serangan siber pada Ogos, hampir dua kali ganda purata bulanan pada 2023, manakala Pengawal
Pantai AS merekodkan peningkatan 17 peratus dalam insiden siber maritim tahun lepas.

Pada Ogos, Pengawal Pantai AS dan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) menyiasat kemungkinan pencerobohan siber membabitkan dua kapal tangki yang menuju ke AS, masing-masing membawa minyak mentah dan gas petroleum cecair dari Mediterranean ke Galveston, Texas.

Rangkaian komputer kapal berkenaan dilaporkan diceroboh berhampiran Selat Gibraltar, menyebabkan pemeriksaan keselamatan dijalankan pada 21 dan 24 Ogos.

Pihak berkuasa setakat ini belum mendedahkan identiti pihak yang bertanggungjawab.

Laporan itu turut mengetengahkan serangan siber terhadap North Carolina Ports pada Ogos yang menyebabkan operasi di pintu masuk pelabuhan tergendala sementara dan memaksa kakitangan beralih kepada pengendalian kargo secara manual.

Syarikat perkapalan gergasi Maersk turut mendedahkan insiden kebocoran data bulan ini, namun memaklumkan bahawa operasinya tidak terjejas dan kejadian itu tidak membabitkan perisian tebusan. - ©BERNAMA

Grid elektrik Visayas di Republik Filipina di bawah amaran merah

MANILA, 23 Nov. - Grid elektrik Visayas di tengah Republik Filipina akan diletakkan di bawah amaran merah pada Isnin dari 5 hingga 6 petang susulan pengurangan kapasiti penjanaan elektrik akibat gangguan operasi loji janakuasa dan penurunan bekalan elektrik dari Mindanao, menurut Perbadanan Grid Nasional Filipina (NGCP), lapor Xinhua.

NGCP turut akan mengeluarkan amaran kuning dari 3 hingga 5 petang dan 6 hingga 8 malam berikutan gangguan operasi beberapa loji janakuasa serta pengurangan bekalan elektrik dari Mindanao akibat kerja penyelenggaraan.

Menurut NGCP, setakat 8 pagi, kapasiti penjanaan elektrik yang tersedia bagi grid berkenaan adalah kira-kira 2,473 megawatt berbanding permintaan puncak yang dijangka mencecah 2,527 megawatt. - ©BERNAMA

15 cedera dalam kebakaran hospital di Berlin

BERLIN, 23 Nov. - Seramai 15 orang cedera dalam kebakaran di sebuah hospital di Berlin pada Ahad malam, termasuk seorang yang mengalami kecederaan mengancam nyawa, menurut jabatan bomba, lapor agensi berita Jerman (dpa).

Seorang lagi cedera parah, manakala 13 yang lain cedera ringan.

Kebakaran berlaku di sebuah bilik pesakit di tingkat satu bangunan hospital di daerah Lichtenberg di bahagian timur Berlin.

Anggota bomba berjaya memadamkan kebakaran itu, namun asap merebak ke bahagian lain bangunan berkenaan, menyebabkan hospital itu terpaksa dikosongkan.

Kedua-dua mangsa yang mengalami kecederaan serius dibawa ke hospital lain di bawah pengawasan doktor kecemasan. - ©BERNAMA

Serangan dron di kawasan perumahan Khartoum rosakkan bangunan PBB

KHARTOUM, 23 Nov. - Pertubuhan Bangsa - Bangsa Bersatu (PBB) melaporkan serangan dron di sebuah kawasan perumahan di Khartoum, yang turut menyebabkan sebuah bangunan PBB mengalami kerosakan.

Pejabat Penyelarasan Hal Ehwal Kemanusiaan PBB (OCHA) memaklumkan kejadian itu menerusi platform X.

"Tindakan yang mendedahkan kami kepada risiko sedemikian tidak boleh diterima," menurut kenyataan Penyelaras Residen dan Kemanusiaan PBB di Sudan, Denise Brown.

Bagaimanapun, kenyataan itu tidak memberikan sebarang butiran mengenai kemungkinan kemalangan jiwa atau pihak yang bertanggungjawab melancarkan serangan berkenaan, lapor agensi berita Jerman dpa.

Tentera Sudan pimpinan pemerintah de facto Abdel-Fattah al-Burhan dan Pasukan Rapid Support Forces (RSF) yang diketuai Mohamed Hamdan Daglo bertempur untuk menguasai negara itu sejak April 2023.

Puluhan ribu orang terbunuh, manakala lebih 14 juta penduduk kehilangan tempat tinggal akibat konflik berkenaan.

Khartoum kini berada di bawah kawalan tentera Sudan.

PBB menyifatkan konflik itu sebagai antara krisis kemanusiaan paling buruk di dunia.

Penggunaan dron telah mengubah secara ketara perjalanan konflik itu tahun ini, dengan lebih 1,100 orang terbunuh dalam tempoh enam bulan pertama tahun ini, menurut data PBB.

Kumpulan hak asasi manusia menuduh kedua-dua pihak melakukan jenayah perang.

Mereka khususnya mengkritik tentera Sudan kerana melancarkan serangan udara tanpa membezakan sasaran di kawasan perumahan, selain menyalahkan RSF atas pembunuhan beramai-ramai orang awam dan keganasan seksual yang berleluasa, terutama terhadap anggota kumpulan etnik bukan Arab. - ©BERNAMA

MAJLIS HARI KELUARGA INTERZONE PUPUK PERPADUAN

Siaran Akhbar dan Foto : Keluarga Interzone



PEGAWAI Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara, Senior Superintenden Haji Mahran bin Haji Ahmad hadir selaku tetamu kehormat. Turut hadir, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 November. - Majlis Hari Keluarga Interzone 2026 anjuran bersama Penghulu Mukim dan Ketua Kampung (PMKK) bagi Mukim Gadong 'A' dan Gadong 'B' menjadi penghubung untuk mengeratkan silaturahim dan memupuk perpaduan serta memperkukuhkan semangat kerjasama dalam kalangan PMKK dan masyarakat kampung.

Pengerusi Bersama, Penghulu Gadong 'B', Awang Haji Rosliani bin Haji Umar berkata program berkenaan dihasratkan sebagai jambatan dan wadah untuk berkumpul beriadah serta menjadi platform untuk mengukuhkan ikatan kekeluargaan serta hubungan kemasyarakatan.

"Semangat kebersamaan, kerjasama dan kegembiraan lebih utama daripada kemenangan dalam setiap aktiviti yang dipertandingkan yang kita anjurkan pagi ini," jelasnya pada majlis yang berlangsung di Taman Mahkota Jubli Emas, di sini, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara, Senior Superintenden Haji Mahran bin Haji Ahmad.

Turut hadir ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, penghulu-penghulu mukim, ketua-ketua kampung serta Ahli-ahli Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dari Mukim Gadong 'A' dan 'B'.

Hari Keluarga Interzone berkenaan turut disokong oleh Persekutuan Pengakap Negara Brunei Darussalam, Pengawasan Kejiranan Kampung, Pasukan Polis Diraja Brunei, Hitune Group of Companies, Yakin Sports dan Riza Group.

Berbagai acara sukan keriaan telah dipertandingkan dan berjaya menarik minat penyertaan para pengunjung.



ANTARA yang hadir menyertai aktiviti pada majlis tersebut.

Peluang pasukan tempatan uji keupayaan di peringkat antarabangsa

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Alishahrin Haji Mumin



AKSI para pemain pada perlawanan bersahabatan sebagai persiapan pasukan berkenaan menjelang Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2026 yang akan berlangsung di Malaysia.

BERAKAS, Selasa, 24 November. - Pasukan bola jaring dari Republik Filipina, Siklab Pilipinas menyahut cabaran pasukan AUG Netball Team dalam perlawanan persahabatan sebagai sebahagian daripada persiapan pasukan berkenaan menjelang Sukan Universiti ASEAN (AUG) 2026 yang akan berlangsung di Malaysia.

Perlawanan berkenaan berlangsung malam tadi, di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah (KSNHB), di sini.

Perlawanan tersebut memberi peluang kepada pasukan AUG Netball Team untuk menguji persiapan mereka menentang pasukan antarabangsa, di samping menimba pengalaman melalui pendedahan terhadap corak permainan, kepantasan dan pendekatan permainan pasukan Siklab Pilipinas.

Sukan Universiti ASEAN 2026 dijadualkan berlangsung di Malaysia dari 10 hingga 19 Disember 2026, dengan menghimpunkan atlet universiti dari seluruh rantau ASEAN.

Perlawanan persahabatan tambahan berkenaan merupakan antara perlawanan yang diselaraskan dengan bantuan Persatuan Bola Jaring Brunei (BNA) susulan ketibaan Siklab Pilipinas ke Negara Brunei Darussalam (NBD), sekali gus memberi peluang kepada pasukan tempatan untuk mendapatkan pendedahan dan pengalaman beraksi di peringkat antarabangsa.

Peluang seumpama tersebut penting dalam membantu pembangunan pemain tempatan, meningkatkan tahap daya saing serta menggalakkan pertukaran pengalaman sukan antara NBD dengan negara-negara lain.



Shah United meterai MoU bersama PJ Sport Design

Siaran Akhbar dan Foto : Pengurusan Kelab Shah United

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 23 November. - Kelab Futsal Shah United baru-baru ini mengorak satu lagi langkah ke hadapan menerusi pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) bersama PJ Sport Design dari Ranong, Thailand.

MoU tersebut ditandatangani oleh pemilik Kelab Futsal Shah United, Awang Haji Syed Mohd. Yaqub bersama pemilik PJ Sport Design, Warapol Jatapanya.

Juga hadir, Presiden Kelab Futsal Shah United, Awang Haji Yusof Thani bin Dato Paduka Haji Hussain.

Menerusi kerjasama tersebut, PJ Sport Design akan memberikan tajaan berupa pakaian perlawanan serta kelengkapan sukan lain kepada Kelab Futsal Shah United untuk tempoh satu tahun.

Kehadiran pemilik PJ Sport Design sendiri ke Negara Brunei Darussalam bagi menyempurnakan majlis tersebut merupakan satu penghormatan kepada pihak kelab, sekali gus memperkukuhkan hubungan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Di samping itu, Majlis Penandatanganan Kontrak para pemain Kelab Futsal Shah United turut diadakan sebagai sebahagian daripada persiapan kelab menghadapi Kejohanan Brunei Futsal Challenge Cup 2026 / 2027.

Kerjasama strategik tersebut diharap dapat meningkatkan profesionalisme dan prestasi pasukan serta menyumbang kepada perkembangan dan pembangunan sukan futsal di Negara Brunei Darussalam.

Pihak kelab turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada PJ Sport Design atas kepercayaan, sokongan dan komitmen yang diberikan serta berharap agar hubungan kerjasama ini dapat diteruskan untuk jangka masa panjang.



SESI bergambar ramai pada Memorandum Persefahaman bersama PJ Sport Design dari Ranong, Thailand.

PELITA BRUNEI

SUKAN

ePaper Pelita Brunei

KLUSTER 5 JUARA KESELURUHAN BDSG KE-3



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan BDSG Ke-3, Tahun 2026 (atas). Sementara bawah kanan, sekitar majlis berkenaan.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BERAKAS, Isnin, 23 November. - Kluster 5 dinobatkan juara keseluruhan setelah berjaya mengutip lima pingat emas, tiga pingat perak dan lima pingat gangsa pada Kejohanan Sukan Sekolah - sekolah Brunei Darussalam (BDSG 2026) Ke-3.

Naib johan diraih oleh Kluster 2 dengan memperoleh empat pingat emas, dua pingat perak dan dua pingat gangsa, sementara tempat ketiga pula dimenangi oleh Kluster 4 setelah meraih empat pingat emas, satu pingat perak dan empat pingat gangsa.

Sehubungan itu, Majlis Penutupan Rasmi Kejohanan BDSG Ke-3, Tahun 2026 diadakan petang tadi, bertempat di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan penyampaian piala pada majlis penutup berkenaan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Atur cara dimulakan dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Negara Brunei Darussalam, 'Allah Peliharakan Sultan' dan diikuti dengan acara akhir olahraga yang mempertandingkan empat acara larian berganti-ganti, iaitu Unified Relay Kategori Perempuan dan Lelaki (4x25 meter) serta Relay Kategori Perempuan dan Lelaki (4x50 meter).

Sejurus selesai larian berganti-ganti, acara diteruskan lagi dengan perbarisan lalu kontinjen dan pegawai-pegawai teknikal, dan diikuti dengan penyampaian pingat kepada pemenang bagi Relay Kategori Lelaki dan Perempuan (4x50 meter).

Manakala itu, Yang Mulia Timbalan Menteri Pendidikan menyempurnakan penyampaian pingat kepada para pemenang Unified Relay Kategori Lelaki dan Perempuan (4x25 meter).

Pingat emas bagi Unified Relay Kategori Lelaki (4x25 meter) disandang oleh Kluster 6, Kluster 3 menyandang pingat perak dan pingat gangsa dimenangi oleh Kluster 5.

Bagi Unified Relay Kategori Perempuan (4x25 meter) pula, pingat emas diraih oleh Kluster 2, diikuti dengan Kluster 3 dan Kluster 4 yang masing-masing memenangi pingat perak dan pingat gangsa.

Meraih pingat emas bagi Relay Kategori Lelaki (4x50 meter) ialah Kluster 4, sementara pingat perak dimenangi oleh Kluster 3 dan Kluster 5 mendapat pingat gangsa.

Pingat emas Relay Kategori Perempuan (4x50 meter) pula disandang oleh Kluster 4, diikuti dengan pingat perak yang dimenangi oleh Kluster 5 dan Kluster 3 dengan pingat gangsa.

Majlis kemudiannya disempurnakan dengan penutupan rasmi Kejohanan BDSG Ke-3 Tahun 2026 oleh tetamu kehormat.

Pada tahun ini, sebanyak lima acara sukan dipertandingkan bagi BDSG Ke-3, iaitu bola jaring, *bocce*, badminton, futsal dan olahraga (*kids athletics*).

Kejohanan ini berlangsung selama lapan hari, bermula 16 hingga 23 November 2026, dengan penyertaan seramai 690 atlet pelajar sekolah rendah daripada enam kluster sekolah kerajaan di bawah kawalan Kementerian Pendidikan.

Penganjuran BDSG merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pendidikan Kokurikulum dalam usaha mencungkil dan mengembangkan bakat serta potensi pelajar dalam bidang sukan, di samping memperkukuh pembangunan sukan di peringkat sekolah.



Pada edisi kali ini, BDSG dikhususkan kepada penyertaan pelajar sekolah rendah, dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Khas selaku penganjur bersama bagi memperluas peluang penyertaan kepada pelajar berkeperluan khas dalam kejohanan tersebut.

Selain itu, kejohanan ini turut berperanan mengeratkan hubungan silaturahim serta memupuk semangat perpaduan dan persaingan sihat dalam kalangan pelajar melalui penglibatan aktif dalam aktiviti sukan.



PARA pemain Elnour HiTUNE FA semasa sesi bergambar ramai.

Elnour HiTUNE FA bangkit perbaiki kedudukan

Siaran Akhbar dan Foto : HiTUNE Group of Companies

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 24 November. - Pasukan di dalam Kategori Bawah 10 Tahun (U10), Elnour HiTUNE FA mempamerkan kebangkitan yang cukup membanggakan apabila berjaya mencatat kemenangan bersih dalam ketiga-tiga perlawanan pada minggu kedua Kejohanan Brunei Grassroots League 2026-2027 yang berlangsung di Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD).

Skuad bimbingan di bawah Muhamad Najib Daud itu membuka tirai saingan dengan kemenangan 2 - 0 ke atas Dash FA hasil jaringan Sufyan dan Faiq.

Momentum positif itu diteruskan dalam perlawanan kedua apabila Elnour HiTUNE FA sekali lagi mencatat keputusan 2 - 0, kali ini menewaskan S58 untuk mengukuhkan kedudukan pasukan dalam persaingan liga.

Kecemerlangan skuad muda berkenaan mencapai kemuncaknya dalam perlawanan ketiga apabila membenam Aryanariz dengan jaringan 3 - 0. Mohd. Faiq muncul wira dengan sumbangan dua gol, manakala Zimsarul melengkapkan kemenangan bergaya tersebut.

Keputusan tiga kemenangan berturut-turut itu menyaksikan Elnour HiTUNE FA kini mengumpul sembilan mata dan menduduki tangga keempat carta liga selepas minggu kedua pertandingan.

Sementara itu, Pasukan Brazilian Football Academy terus menguasai persaingan di tangga teratas dengan 18 mata, diikuti Shadow Striker dan Projek Ikan Pusu yang masing-masing mengumpul 15 mata.

Brunei Grassroots League 2026-2027 anjuran FABD disertai 16 pasukan yang bersaing dalam format liga, sekali gus menyediakan platform penting bagi mencungkil bakat muda serta meningkatkan pembangunan bola sepak akar umbi negara.